


الهجرة



Al-Huda

Bil. 160 April 2025M/1446H

PUASA : Latihan JIWA dan TAQWA



Sahur dan Keberkatannya



Menjaga Diri daripada Melakukan Perkara Mazmumah dan Sia-sia



Menjaga Kesempurnaan Puasa: Adab dan Larangan yang Perlu Dijaga



Fiqh Puasa untuk Kanak-kanak: Panduan dan Hikmah



Amalan-amalan Wanita Mudah Masuk Syurga



Puasa Mentarbiah Jiwa



*P*erintah bersahur itu walau pun hanya pada peringkat sunat dan hukum puasa orang yang tidak bersahur itu tetap sah, namun persoalannya ialah, apakah berkat yang terdapat di sebalik bersahur itu?

Untuk mengetahuinya, bacalah Majalah Al-Huda Bilangan 160 dalam siri Irsyad Hukum bersama Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.



Menu Ilmu

1 TINTA PENGARANG

2 PETIKAN TITAH

3 IRSYAD HUKUM

Sahur dan Keberkatannya



9 KHUTBAH JUMAAT

Menjaga Diri daripada
Melakukan Perkara
Mazmumah dan Sia-sia.

13 TAFSIR HUKUM

Ayat 185 Surah al-Baqarah

17 KISAH KAUM TERDAHULU

Azab Kaum Madyan



22 MUTIARA HADITS

Menjaga Kesempurnaan
Puasa: Adab dan Larangan
yang Perlu Dijaga

29 MAQASHID SYARI'AH

Memelihara Kesucian
Agama Islam dalam
Konteks di Negara Brunei
Darussalam.



35 FIQAH

Fiqh Puasa untuk Kanak-kanak:
Panduan dan Hikmah.

42 BICARA MUSLIMAH

Amalan-amalan Wanita
Mudah Masuk Syurga.



46 KENALI RASUL

Kemuliaan Rasulullah
*Shallallahu 'Alaihi Wa
Sallam* di dalam al-Qur'an.

55 CERPEN

Satu Kepercayaan



48 FOKUS

Puasa Mentarbiah Jiwa

81 PUISI

Rasulullah Teladan
Sepanjang Zaman.





Dalil Wajib Puasa Ramadhan

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ...

Mafhumnya:

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa...

(Surah al-Baqarah : 185)



Tinta Pengarang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالْعِبَادَةِ وَالسَّلَامَةِ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ . سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . وَبَعْدُ

"Dan tidaklah aku (berani) mensucikan diriku (daripada dosa), sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh melakukan kejahatan kecuali orang-orang yang telah dikurniakan rahmat (terpelihara daripada dosa) oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Pengasih


(Terjemahan makna ayat surah Yusuf:53)

Hakikat nafsu sememangnya mengajak manusia melakukan kejahatan dan apabila dibiarkan ia akan terus berleluasa, oleh itu hendaklah kita mengendalikan nafsu dengan melakukan ibadah puasa. Dengan berpuasa akan melatih keinginan dan nafsu yang ada dalam diri kita supaya dapat dikawal dengan sebaiknya agar tidak berbuat kejahatan dengan mengikut kehendak nafsu semata-mata.

Mendidik nafsu dengan berpuasa akan mendorong kita menjadi muslim yang bertaqwa dan melaksana segala kebaikan yang telah diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan dijauhi kejahatan yang dilarang kerana iman yang akan mendahului daripada keinginan hawa nafsu.

Dan kalau kebenaran (al-Qur'an) itu mengikut hawa nafsu mereka tentulah rosak langit dan bumi serta segala yang ada padanya. Bahkan sebenarnya Kami telah mendatangkan kepada mereka peringatan (al-Qur'an yang menjadi kebanggaan dan kemuliaan mereka) tetapi mereka berpaling daripada peringatan itu.

(Terjemahan makna ayat surah al-Mu'minuun:71)



REDAKSI **الْهُدَى**

PENASIHAT

Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
Pengarah

PENOLONG PENASIHAT

Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd.
Rahman
Penolong Pengarah

KETUA PENERBIT

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG KETUA PENERBIT

Qairunnisa binti Haji Jalil

PENYELARAS

Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Dahlan bin Chuchu
Haji Muhammad Aminuddin bin Haji
Jamaluddin

PEMBANTU PENYELARAS

Md. Zeliha bin Ahad
Azizah binti Hidup
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Suriati binti Haji Ali Hussin

REKA BENTUK & ATURHURUF

Dahlan bin Chuchu

PENULIS JAWI (JUDUL)

Pg. Yusdi bin Pg. Rumbli

PENYEMAK AYAT AL-QUR'AN & HADITS

Ramlee bin Haji Kassim

PEMBAHAGI MAJALAH

Nurul Nabilah binti Masri

PENCETAK

EZY Printing Services & Trading Co.

TERBITAN

Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam, BB4310.



Petikan Titah

KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

”Menyentuh mengenai ibadat Qiamullail, iaitu amalan sunat yang dikerjakan pada waktu malam bagi merapatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Pada hemat Beta, kita selaku umat Islam perlu terus berusaha untuk menghidupkan malam-malam di bulan Ramadhan melalui amalan Qiamullail yang dilakukan secara bersendirian atau berjemaah sama ada dengan keluarga masing-masing atau di masjid dan surau. Dalam hal ini, Beta amat menghargai usaha berterusan oleh pihak-pihak berkenaan untuk mengadakan Ibadat Qiamullail secara berjemaah di masjid-masjid, surau-surau di seluruh Negara, lebih-lebih lagi pada sepuluh malam terakhir di bulan Ramadhan.

Terutama yang mahu dipelihara ialah ibadat puasa sendiri. Sebulan penuh kita berpuasa, hendaklah sebulan penuh juga puasa kita diterima.”

**PETIKAN TITAH
SEMPENA MENYAMBUT AWAL BULAN RAMADHAN
BAGI TAHUN 1446H/2025M**

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja
Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz
Haji Awang Abdul Aziz Juned
Mufti Kerajaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Irsyad Hukum



SAHUR: Apakah Keberkatannya?

Sahur ialah makan selepas waktu tengah malam atau dinihari sebelum terbit fajar bagi orang-orang yang hendak berpuasa di bulan Ramadhan atau di bulan-bulan yang lain.

Ulama sepakat mengatakan bahawa hukum makan sahur adalah sunat berdasarkan daripada hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab shahih, daripada

SAHUR Dan Keberkatannya

Petikan dari Irsyad Hukum 2004
Terbitan Jabatan Mufti Brunei,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



Anas *Radhiallahu ‘anhu* katanya: Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكَهً

Maksudnya:

Bersahurlah kamu, sesungguhnya dalam sahur itu mempunyai berkat.

Berkat Bersahur Menurut Ulama

Perintah bersahur itu walaupun hanya pada peringkat sunat dan hukum berpuasa bagi orang-orang yang tidak bersahur tetap sah. Persoalan yang hendak ditimbulkan ialah, apakah berkat yang terdapat di sebalik bersahur itu?

Menurut Ibnu Hajar al-‘Asqalani pengarang kitab *Fath al-Bari* dan Imam an-Nawawi di dalam kitab *Shahih Muslim*, bahawa sahur yang memberi keberkatan itu bermaksud:

- i. Memperolehi balasan dan ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.
- ii. Mengikut sunnah Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.
- iii. Membezakan antara puasa orang Islam dengan puasa Ahli Kitab sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:



Sekadar Gambar Hiasan

فَضْلُ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَةُ السَّحَرِ

Maksudnya:

Perbezaan di antara puasa kita (umat Islam) dengan puasa Ahli Kitab ialah makan sahur.

- iv. Menghalang perbuatan-perbuatan yang tidak sopan yang dipengaruhi oleh kesan berlapar di siang hari.
- v. Memberi kekuatan untuk beribadat dan kecerdasan kepada orang yang berpuasa bagi menghadapi rasa lapar dan dahaga di siang hari sesuai dengan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dalam kitab mustadraknya, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

اسْتَعِينُوا بِطَعَامِ السَّحَرِ عَلَى صِيَامِ النَّهَارِ

Maksudnya:

Memohonlah kamu (kepada Allah kekuatan) melalui makan sahur supaya memperoleh kekuatan berpuasa di siang hari.


Bangun dan berdoa di waktu sahur mempunyai *barakah* kerana pada

waktu itu rahmat turun dan doa terangkat sebagaimana di dalam sebuah hadits Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu Umamah telah berkata:

قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الدُّعَاءِ أَسْمَعُ؟ قَالَ جَوْفَ اللَّيْلِ الْآخِرِ وَدُبُرِ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوباتِ

Maksudnya:

Ya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam, bilakah waktu doa itu lebih didengar?" Baginda bersabda: "Pada waktu tengah malam dan selepas sembahyang fardhu."



Di samping itu bagi orang yang bangun sahur tidak sepatutnya melepaskan peluang untuk melakukan amal-amal shalih seperti berwudhu, berzikir, membaca al-Qur'an dan bersembahyang sunat tahajjud dan sunat witr. Begitulah juga dengan perbuatan sunat yang lain hingga terbit fajar. Apatah lagi jika malam tersebut kebetulan merupakan Lailatulqadar, iaitu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Khusus mengenai sembahyang witr, waktu yang afdhal untuk mengerjakan sembahyang tersebut ialah di akhir malam selepas mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat

yang lain seperti tahajjud, hajat dan sebagainya, sekalipun ianya meninggalkan sembahyang witr berjemaah di awal waktu selepas tarawih.

vi. Menggalakkan perbuatan bersedekah dan bersahur bersama-sama.

vii. Mengingatkan dan memberi peluang bagi orang yang terlupa melakukan niat puasa.

Makanan yang Disunatkan ketika Bersahur

Adapun makanan yang dimakan ketika bersahur biarlah sederhana sesuai dengan kemampuan dan upaya masing-masing.



Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* sendiri menjelaskan bahawa hanya seteguk air sudah memadai untuk mendapat berkat daripada bersahur.

Jika terdapat buah tamar (kurma), maka itu adalah lebih baik kerana buah kurma itu adalah makanan sahur bagi orang-orang yang beriman sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani dalam kitab mu‘jamnya, daripada as-Saib bin Yazid *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wa sallam* telah bersabda:

نَعْمَ السَّحُورُ التَّمْرُ وَقَالَ: يَرْحَمُ اللَّهُ
الْمُتَسَحِّرِينَ

Maksudnya:


Sebaik-baik makanan sahur ialah buah tamar (kurma).” Sabda Baginda lagi: “Allah memberikan Rahmat kepada orang-orang yang bersahur.

Melambatkan Bersahur

Melambatkan sahur adalah sunat sehingga hampir waktu fajar iaitu kira-kira pada kadar membaca 50 ayat al-Qur’an sebelum terbit fajar. Di antara tujuannya ialah demi memendekkan masa untuk menahan

diri daripada kelaparan dan daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Tersebut di dalam riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab shahih bahawa seorang sahabat yang bernama Zaid bin Tsabit *Radhiallahu ‘anhu* telah berkata: “Kami telah bersahur bersama Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*, kemudian kami mendirikan sembahyang, lalu Anas *Radhiallahu ‘anhu* bertanya: “Berapakah jarak waktu di antara keduanya?” Zaid menjawab:



حَمْسِينَ آيَةً

Ertinya:

Kadar membaca 50 ayat.

Dalam sebuah hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab musnadnya:

لَا تَزَالُ أُمَّتِي بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْإِفْطَارَ
وَأَخَّرُوا السُّحُورَ

Maksudnya:

"Sentiasa umatku dalam kebaikan selama mana mereka menyegerakan berbuka puasa dan melewatkan bersahur."

Menurut kitab *al-Majmu'* bahawa Imam asy-Syafi'ie menjelaskan

dalam kitabnya *al-Umm*, apabila seseorang ragu tentang waktu sahur sama ada waktunya masih kekal atau sebaliknya, adalah sunat dia tidak bersahur. Jika dia bersahur juga dalam keadaan sedemikian, puasanya dihukumkan sah kerana pada asalnya waktu itu masih malam (لأن الأصل بقاء الليل).

Adapun waktu bersahur itu bermula sebaik sahaja masuk waktu pertengahan malam dan berlarutan sehingga sebelum terbit fajar. Oleh yang demikian, orang yang makan sebelum masuk waktu pertengahan malam tidaklah dia dikatakan bersahur tetapi ianya cuma makan biasa sahaja dan tidak ada baginya pahala sunat bersahur. ■

Khutbah Jumaat

MENJAGA DIRI DARIPADA Melakukan Perkara MAZMUMAH DAN SIA-SIA

Wahai kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bertaqwalah kita kehadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.



Jemaah yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana diberi kesempatan lagi berada di bulan Ramadhan terutama di hari Jumaat yang pertama di bulan Ramadhan pada tahun ini.

Bulan Ramadhan adalah bulan yang sentiasa ditunggu-tunggu dan dirindukan oleh sekalian umat Islam. Bulan ini mempunyai kelebihan yang sangat besar berbanding bulan-bulan yang lain.

Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para sahabat, sangat-sangat gembira menerima kedatangan bulan ramadhan kerana kedatangannya membawa berita gembira untuk kita umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagaimana di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab musnadnya daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* berkata yang bermaksud:

Ketika Ramadhan tiba, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Telah datang kepada kamu bulan Ramadhan, bulan yang penuh berkat, di mana Allah telah mewajibkan kamu berpuasa di dalamnya. (Tahukah kamu) pada bulan ini pintu-pintu syurga dibuka

dan pintu-pintu neraka ditutup serta para syaitan dibelenggu. Pada bulan ini juga terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Barang siapa yang dijauhkan dari kebajikan bulan ini, bererti dia itu jauh dari segala bentuk kebajikan.

Justeru, baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para sahabat sentiasa merebut segala peluang dan memanfaatkan segala amal ibadah di bulan Ramadhan yang berkat ini, terutama ibadah puasa penuh dengan keimanan dan ketakwaan semata-mata untuk memperolehi ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang menegakkan (beribadah) Ramadhan kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala, maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."

Jemaah yang dirahmati Allah,

Puasa adalah ibadah yang sangat istimewa dan di antara keistimewaannya ialah sebagaimana

yang disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab musnadnya, daripada Jabar *Radhiallahu ‘anhu*, sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman: *“Puasa itu perisai yang dengannya seorang hamba membentengi diri daripada api neraka, dan puasa untukku, akulah yang akan membalasnya.”*

Berdasarkan hadits tersebut menunjukkan bahawa ibadah puasa itu adalah perisai dari azab api neraka. Puasa juga merupakan benteng yang menghalang diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan mungkar.

Perlu diketahui, bahawa ibadah itu selain daripada menahan diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan, minum dan seumpamanya. Puasa juga berperanan menjauhkan diri kita daripada melakukan perkara-perkara buruk dan sia-sia. Ini kerana kita tidak mahu ibadah puasa yang kita kerjakan itu hanya sekadar mendapat lapar dan dahaga semata-mata sebagaimana di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam

Ibnu Majah dalam kitab sunannya, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Berapa ramai orang yang berpuasa tidak mendapatkan pahalanya selain lapar, dan berapa ramai orang yang sembahyang malam tidak mendapatkan pahala selain berjaga sepanjang malam.”

Jemaah yang dirahmati Allah,

Ibadah puasa bukanlah hanya sekadar mengawal kehendak nafsu syahwat semata-mata bahkan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* memerintahkan kita supaya menjaga anggota-anggota badan kita dari melakukan perkara-perkara yang tidak baik (*mazmumah*) dan sia-sia. Ini kerana dengan melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan berdosa itu boleh merosakkan dan mengurangkan pahala ibadah puasa.

Oleh itu, bagi meraih kesempurnaan ibadah puasa, terdapat adab-adab yang perlu dijaga ketika menjalani ibadah puasa, antaranya:

Pertama: Mengawal dan menutup pandangan mata dari melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh syara’ dan dari melihat perkara-

perkara yang boleh melalaikan hati dari mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Kedua: Menutup telinga dari mendengar perkara-perkara yang diharamkan supaya tidak tergolong ke dalam golongan orang-orang yang suka mendengar berita bohong dan sia-sia.

Ketiga: Menjaga lidah dari mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah seperti berbual kosong, lebih-lebih lagi kita semua dituntut supaya menjaga lidah dari mengeluarkan kata-kata yang diharamkan seperti mengumpat, berdusta, menyebarkan fitnah dan seumpamanya.

Keempat: Memelihara seluruh anggota yang lain seperti tangan, kaki dan sebagainya dari melakukan perkara-perkara yang haram dan tidak berfaedah.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Ibadah puasa bulan Ramadhan merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima yang wajib ditunaikan. Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga dan memelihara kesempurnaannya dengan sentiasa menjaga diri dan menghindarkan diri

kita daripada melakukan perkara-perkara *mazmumah* dan sia-sia.

Akhirnya, kita berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mudah-mudahan ibadah puasa yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadhan ini diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan semoga kita tidak tergolong dalam golongan orang berpuasa yang hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja. *Amin ya Rabbal 'alamiin*.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah an-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ
بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maafhumnya:

Sesiapa yang mengerjakan amalan yang shalih sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan. ■

Tafsir Hukum



شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا
الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Ayat 185 Surah Al-Baqarah

Mafhumnya:

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebaai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa, dan sesiapa yang sakit atau sedang dalam perjalanan (atau pelayaran dalam bulan Ramadhan itu bolehlah ia berbuka) maka

wajiblah dia berpuasa pada hari-hari yang lain (sebagai ganti puasa yang ditinggalkan itu). Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan. Hendaklah kamu mencukupkan bilangan (puasa Ramadhan) itu dan mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mewajibkan ke atas orang-orang yang beriman supaya melaksanakan ibadat puasa, iaitu menahan diri daripada makan, minum dan berjima' untuk mendidik jiwa mereka. Ibadat tersebut diwajibkan sebagai salah satu rukun Islam sebagaimana disebutkan dalam hadits Imam al-Bukhari *Rahimahullah* dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Islam dibangun atas lima perkara: Penyaksian sesungguhnya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Nabi Muhammad pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, membayar zakat, mengerjakan haji dan menunaikan puasa di bulan Ramadhan.”

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa kewajipan ibadat puasa itu bukan sahaja disyari'atkan ke atas umat Nabi

Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bahkan juga telah disyari'atkan ke atas semua umat nabi-nabi yang terdahulu. Penjelasan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini adalah untuk menekankan keutamaan ibadat puasa dan supaya orang-orang yang beriman berasa ringan untuk melaksanakannya kerana ia telah diwajibkan kepada semua umat.

Kemudian Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa hikmah pensyari'atan ibadat puasa ialah supaya orang yang melaksanakannya akan dapat mencapai darjat orang yang bertakwa, iaitu orang yang menjauhi segala kemungkaran sama ada dalam bentuk perbuatan mahupun perkataan. Hikmah itu akan dapat dicapai oleh orang yang berpuasa kerana puasa dapat berperanan mendidik jiwa untuk menahan hawa nafsu daripada melakukan kemungkaran sebagaimana dijelaskan oleh Imam al-Bukhari *Rahimahullah* dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud

Radhiallahu ‘anhuma bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: “Wahai para pemuda! Sesiapa yang berkemampuan hendaklah kamu berkahwin kerana perkahwinan itu menundukkan pandangan dan memelihara faraj. Tetapi sesiapa yang tidak mampu untuk berkahwin, maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu sebagai penahan hawa nafsunya.”

Ibadat puasa itu merupakan ibadat yang agung di sisi Allah *Subhanahu wa Ta’ala* kerana orang yang berpuasa mendapat kelebihan yang sangat besar sebagaimana dijelaskan dalam hadits Qudsi Imam al-Bukhari

dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda bahawa Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman yang maksudnya: “Semua amalan anak Adam adalah untuknya kecuali puasa, sesungguhnya ia adalah untuk-Ku dan Aku-lah yang akan mengurniakan ganjaran (pahala) kepadanya secara langsung. Demi sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa itu lebih wangi di sisi Allah daripada harumnya kasturi.”

Puasa yang mendapat kelebihan yang besar di sisi Allah *Subhanahu wa Ta’ala* itu ialah puasa seseorang yang dilaksanakan dengan sempurna,



iaitu bersih daripada sebarang kemungkaran sama ada dalam bentuk perbuatan mahupun perkataan. Manakala, puasa yang terdapat padanya kemungkaran tidak akan mendapat kelebihan itu sebagaimana hadits Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan yang bathil (seperti berdusta, mengumpat dan memaki) dan tidak meninggalkan perbuatan yang dilarang, maka Allah tidak memerlukan dia untuk meninggalkan makanan dan minumannya (tidak menerima puasanya)."

Seterusnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan kepada orang-

orang yang beriman bahawa ibadat puasa yang diwajibkan itu adalah pada beberapa hari yang tertentu, iaitu selama sebulan sahaja dalam setahun (bulan Ramadhan). Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak mahu membebani orang-orang yang beriman dengan kewajiban yang mereka tidak berdaya melakukannya. Maka dengan rahmat-Nya ibadat puasa itu tidak diwajibkan sepanjang tahun atau dalam bilangan hari yang sangat banyak.

Dengan rahmat-Nya juga, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengurniakan *rukhsah* atau keringanan kepada orang yang sakit atau dalam musafir dengan membolehkan mereka berbuka. Jika mereka berbuka, maka diwajibkan mengqadhanya pada hari-hari yang lain setelah mereka sembuh atau kembali daripada bermusafir. ■



Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Jika salah seorang di antara kamu hendak berbuka puasa, berbukalah dengan kurma sebab kurma itu berkah, kalau tidak ada maka dengan air kerana air itu bersih dan suci.

{Hadits Riwayat Imam Abu Daud dan at-Tirmidzi}

Kisah Kaum Terdahulu



Dikisahkan bahawa kota Madyan (Jordan) merupakan kota yang makmur dan memiliki padang rumput yang luas. Kota ini terletak di sebelah timur daerah Sinai berdekatan dengan Teluk 'Aqabah, di sebelah selatan negara Palestin.

Kaum Madyan adalah golongan yang terkenal dengan keingkaran mereka. Sebahagian besar kaum Madyan adalah terdiri daripada pedagang. Namun mereka menjalankan perniagaan mereka secara tidak jujur. Mereka sering melakukan penipuan dalam suka dan timbangan dalam menjalankan aktiviti perdagangan mereka. Negeri Madyan juga suka mengamalkan perbuatan rasuah dalam perdagangan mereka, sehingga suatu ketika ada kafilah yang

AZAB Kaum Madyan



Mafhumnya:

datang ke negeri Madyan untuk menjual barang, pedagang Madyan akan mengeluarkan timbangan yang beratnya sudah dikurangkan. Bahkan kaum Madyan juga disebut sebagai kaum penyembah berhala serta suka mengumpulkan harta.

Firman Allah dalam surah Huud ayat 84:

﴿وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُ شُعَيْبًا قَالَ يٰقَوْمِ
اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ
وَلَا تَنْتَقُصُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ إِنِّي
أَرَاكُمْ بِخَيْرٍ وَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ
يَوْمٍ مُّحِيطٍ ۝٨٤﴾

Dan kepada penduduk Madyan (Kami mengutus) saudara mereka Nabi Syu'aib. Dia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak ada tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam keadaan yang baik (mewah) dan sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa azab pada hari yang kebinasaannya meliputi."

Allah Subhanahu wa Ta'ala telah memerintahkan Nabi Syu'aib 'alaihissalam supaya memberi peringatan kepada penduduk kaum Madyan tentang kemungkaran dan perbuatan tercela yang telah mereka

lakukan. Firman Allah dalam surah Huud ayat 89:

وَيَقَوْمٌ لَا يَجْرُ مِنْكُمْ شِقَاقِي أَنْ يُصِيبَكُمْ
مِثْلُ مَا أَصَابَ قَوْمَ نُوحٍ أَوْ قَوْمَ هُودٍ أَوْ قَوْمَ
صَالِحٍ وَمَا قَوْمُ لُوطٍ مِنْكُمْ بِبَعِيدٍ ﴿٨٩﴾

Mafhumnya:

Dan wahai kaumku! Janganlah persengketaan (kamu) terhadapku menyebabkan kamu berbuat dosa sehingga kamu ditimpa (azab) sebagaimana yang telah menimpa kaum Nabi Nuh atau kaum Nabi Hud

atau kaum Nabi Saleh. Dan kaum Nabi Luth tidak jauh (masa dan tempatnya) daripada kamu.

Kemudian, kaum Madyan berkata: "Wahai Syu'aib, kami tidak mengerti kebanyakan apa yang engkau katakan dan sesungguhnya kami melihatmu seorang yang lemah di kalangan kami. Dan kalaulah tidak kerana keluargamu, sudah tentu kami merejammu (dengan batu sehingga mati) dan engkau pula bukanlah orang yang dipandang mulia di kalangan kami."



Bahkan, mereka menuduh Nabi Syu'aib sebagai tukang sihir. Bukan hanya itu, mereka juga mencabar Nabi Syu'aib untuk membuktikan kebenaran dari risalahnya dengan mendatangkan bencana dari Allah.

Nabi Syu'aib kemudian berdoa dan memohon kepada Allah untuk menurunkan azab bagi kaum Madyan sebagai peringatan bagi generasi di masa yang akan datang.

Allah mengabulkan permohonan Nabi Syu'aib untuk menurunkan azab bagi kaum Madyan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pun menurunkan udara yang sangat panas sehingga

menimbulkan rasa dahaga yang tidak dapat dihilangkan dengan meminum air. Tidak hanya itu, udara tersebut juga membakar kulit mereka. Mereka berlarian untuk mencari perlindungan dari panasnya terik matahari yang membakar.

Kaum Madyan yang ingkar dengan peringatan Nabi Syu'aib merasa kebingungan dan cemas dalam menghadapi bencana tersebut.

Lalu, mereka melihat gumpalan awan hitam tebal di atas kepala mereka. Mereka pun berbondong-bondong lari untuk berteduh di bawah awan tersebut. Namun, setelah mereka




berada di bawah awan hitam untuk berindung, jatuhlah percikan api dari awan hitam itu ke kepala mereka diiringi dengan satu tempikan suara yang kuat sehingga tanah tempat mereka berpijak bergoyang dengan kuatnya sehingga mereka jatuh tersungkur dan saling bertindih antara satu sama lain dan selesailah sudah riwayat mereka. Peristiwa ini dijelaskan dalam firman Allah surah Huud ayat 94:

وَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا شُعَيْبًا وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا وَأَخَذَتِ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيرِهِمْ جَثَمِينَ ﴿٩٤﴾


Mafhumnya:

Dan apabila datang perintah Kami (untuk membinasakan mereka) Kami menyelamatkan Nabi Syu'aib dan orang-orang yang beriman bersamanya dengan rahmat daripada Kami, dan orang-orang yang zalim itu dibinasakan oleh satu tempikan suara yang kuat sehingga mereka pun menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal mereka. ■





Mutiara Hadits



Menjaga Kesempurnaan Puasa: Adab dan Larangan yang Perlu Dijaga

Puasa bukan sekadar menahan diri daripada makan, minum dan perkara yang membatalkan, tetapi ia adalah latihan rohani yang mendidik jiwa, memperbaiki akhlak, dan meningkatkan ketaqwaan. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menegaskan bahawa nilai puasa terletak pada kesempurnaan ibadah dan adab yang dijaga sepanjang melakukannya.

Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anh* berkata: Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

الصَّيَّامُ جُنَّةٌ، فَلَا يَزُفْتُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ
أَمْرُو قَاتِلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ
مَرَّتَيْنِ

Maksudnya:

Puasa adalah perisai. Oleh kerana itu, hendaklah orang yang berpuasa tidak mengatakan perkataan kotor dan tidak melakukan perbuatan bodoh, dan jika ada seseorang yang mencacimu atau mengajak bertengkar, katakanlah aku sedang berpuasa sebanyak dua kali.

Oleh itu menjaga kesempurnaan puasa bukan hanya kita tumpukan pada aspek luaran akan tetapi juga dalaman. Berikut adalah beberapa adab dan larangan yang perlu diambil perhatian untuk memastikan puasa diterima dan diberkati:

Menjaga Niat dan Keikhlasan

Puasa adalah ibadah yang sangat berkait dengan niat. Niat adalah amalan hati yang bermaksud menetapkan tujuan untuk

melaksanakan ibadah semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Niat merupakan salah satu syarat sah ibadah puasa, mahupun puasa wajib ataupun puasa-puasa sunat. Tanpa niat, puasa seseorang itu tidaklah sah. Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab shahih, daripada ‘Umar bin al-Khatthab berkata: Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ، وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَى،
فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا
يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا
هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya:

Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan seseorang hanya mendapatkan sesuai niatnya. Barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan barang siapa yang hijrahnya kerana dunia ataupun kerana wanita yang hendak dinikahinya, maka hijrahnya itu sesuai kemana ia hijrah.

Hadits tersebut menunjukkan bahawa betapa pentingnya niat dalam setiap amalan ataupun ibadah termasuklah ibadah puasa dan niat itu semestinya didasari dengan niat yang ikhlas kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Puasa yang sempurna dimulai dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukanlah melakukan ibadah puasa itu untuk riyā' (menunjuk-nunjuk) atau ingin mencari penghormatan daripada manusia.

Menjaga Lisan dan Perkataan

Puasa bukan hanya menahan lapar dan dahaga akan tetapi ianya juga untuk menjaga lisan daripada berkata perkataan yang sia-sia atau berdosa. Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* berkata: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

Maksudnya:

Barang siapa yang tidak meninggalkan ucapan dusta dan perbuatan dosa, maka Allah tidak memerlukan dia meninggalkan makan dan minumannya.

Hadits ini menunjukkan bahawa berbohong, berkata buruk ataupun keji dan ucapan yang sia-sia boleh merosakkan nilai ibadah puasa.

Adab menjaga lisan termasuk:

- Tidak mengumpat, memfitnah atau bercakap buruk.
- Menghindari perbincangan yang membawa kepada permusuhan.
- Memperbanyakkan berzikir, membaca al-Qur'an dan berdoa.

Menahan Pandangan dan Pendengaran

Selain daripada kita menjaga lisan kita daripada berkata perkataan yang sia-sia, kita juga semestinya menjaga pandangan dan pendengaran kita. Kesempurnaan puasa juga melibatkan penjagaan mata dan telinga daripada melihat atau mendengar perkara yang haram. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nuur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ
وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ
خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

- Memanfaatkan masa dengan mendengar ceramah atau bacaan al-Qur'an.

Mengendalikan Emosi dan Amarah

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Yang demikian itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu perbuat.

Firman tersebut menunjukkan betapa wajibnya untuk kita menjaga pandangan kita daripada melihat perkara yang haram termasuklah semasa kita sedang berpuasa.

Langkah menjaga pandangan dan pendengaran:

- Mengelakkan melihat perkara yang membawa kepada maksiat, seperti gambar tidak senonoh.
- Menjauhi hiburan yang melalaikan atau berunsur maksiat.

Amarah adalah pintu yang menjurus kita kepada pelbagai perbuatan tidak sopan seperti caci maki, dendam dan perbuatan kasar. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menasihatkan agar orang yang berpuasa mengendalikan emosinya. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

الصَّيَامُ جُنَّةٌ، فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ
امْرَأُ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ
مَرَّتَيْنِ

Maksudnya:

Puasa adalah perisai. Oleh kerana itu, hendaklah orang yang berpuasa tidak mengatakan perkataan kotor dan tidak melakukan perbuatan bodoh, dan jika ada seseorang yang mencacimu atau mengajak bertengkar, katakanlah aku sedang berpuasa sebanyak dua kali.

Puasa melatih kesabaran, yang merupakan benteng kukuh untuk

mengelakkan diri daripada dosa yang disebabkan oleh kemarahan.

Membina Kesedaran dan Muhasabah Diri

Puasa memberikan ruang untuk seseorang bermuhasabah atau merenungkan kembali kehidupannya. Ketika berpuasa, kita lebih peka terhadap kelemahan diri dan lebih mudah menyedari kesalahan serta dosa yang telah dilakukan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa.

Melalui kesedaran ini, seseorang dapat membangun tekad untuk meninggalkan maksiat dan mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menghapus Dosa dan Membersihkan Jiwa

Puasa bukan sahaja melatih kita untuk menjauhi maksiat, tetapi juga menjadi sarana penghapusan dosa. Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh* berkata: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ
مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya:

Barang siapa yang berpuasa ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharap pahala, maka diampuni dosa-dosanya yang telah lalu.

Ketika dosa-dosa dihapuskan, jiwa menjadi lebih bersih dan lebih mudah untuk menjauhi maksiat di masa depan.

Meningkatkan Ketaqwaan

Tujuan utama puasa adalah membentuk insan yang bertaqwa.

Dengan melatih diri untuk menjauhi maksiat, seseorang semakin dekat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan lebih mudah untuk mematuhi perintah-Nya serta menjauhi larangan-Nya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Hujuraat ayat 18:

إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Mafhumnya:

Sesungguhnya Allah mengetahui segala perkara ghaib di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

Puasa menjadi landasan kukuh untuk membina sifat taqwa yang akan memandu seseorang sepanjang hidupnya.

Memperbanyakkan Amalan-amalan Sunnah

Puasa yang sempurna disertai dengan memperbanyakkan amalan sunnah seperti:

- Sembahyang sunat tarawih berjemaah di masjid: Ibadah ini dilakukan khusus di bulan Ramadhan untuk menambah pahala.
- Membaca al-Qur'an atau bertadarus: Bulan Ramadhan

adalah bulan al-Qur'an seperti yang kita ketahui di dalam bulan Ramadhan terjadinya peristiwa nuzul al-Qur'an pada malam 17 Ramadhan, oleh itu sangat digalakkan untuk kita memperbanyakkan membaca ataupun bertadabbur dengan al-Qur'an daripada bulan-bulan yang lain.

- Memberi makan orang berbuka, sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya, daripada Zaid bin Khalid al-Juhani bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ فَطَرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا

Maksudnya:

Barang siapa yang memberi makan orang yang berpuasa untuk berbuka, dia akan mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu tanpa mengurangi pahalanya.

Menjaga Waktu Sahur dan Berbuka

Sahur dan berbuka adalah dua waktu penting yang melengkapi lagi kesempurnaan berpuasa:

- Sahur bukan sekadar makan sebelum berpuasa, akan tetapi ia adalah ibadah yang penuh dengan keberkatan dan rahmat. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:
- Berselisih atau bertengkar: sikap ini boleh merosakkan ibadah puasa, yang mana ibadah puasa sepatutnya melatih kita untuk bersabar.
- Membazir semasa berbuka: puasa mengajar kesederhanaan, maka elakkan pembaziran dalam makanan ketika berbuka ataupun berbelanja.

تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً

Maksudnya:

Bersahurlah, kerana di dalam sahur terdapat keberkatan.

- Berbuka dengan segera, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menganjurkan berbuka dengan segera setelah masuk waktu maghrib dan memulainya dengan kurma atau air.

Larangan yang Perlu Dijauhi

Ada beberapa larangan yang boleh merosakkan kesempurnaan berpuasa:

- Ucapan dusta dan perbuatan dosa: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengingatkan bahawa ucapan ataupun bercakap bohong dan perbuatan buruk boleh menghilangkan pahala puasa.
- Melakukan maksiat digital: menonton atau membaca perkara yang tidak bermanfaat di media sosial boleh mencemarkan pahala puasa.

Kesimpulan

Puasa adalah ibadah yang melibatkan jasmani dan rohani. Untuk mencapai kesempurnaan puasa, seseorang perlu menjaga niat, adab dan menjauhi larangan yang boleh mencemarkan ibadah ini. Dengan menjaga kesempurnaan puasa, kita tidak hanya meraih ganjaran di akhirat, tetapi juga mendidik jiwa menjadi lebih sabar, bersyukur dan bertaqwa. Puasa merupakan perisai yang melindungi kita daripada dosa dan menjadikan kita hamba yang lebih dekat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. ■

DR. MUHAMMAD AKMAL BIN AWANG TARIF
Pemenang Pertama Kategori Rencana bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

Maqashid Syari'ah

Bahagian 1



MEMELIHARA KESUCIAN AGAMA ISLAM Dalam Konteks Di Negara Brunei Darussalam

Pendahuluan

Dalam konteks istilah undang-undang, memelihara kesucian agama Islam juga termasuk dalam istilah yang disebut sebagai '*Maqashid Syari'ah*' iaitu menjaga lima perkara iaitu menjaga agama, menjaga jiwa, menjaga keturunan, menjaga akal dan menjaga harta. Setiap perkara atau tindakan yang mengandungi maksud memelihara lima perkara tersebut adalah *mashlahah* dan setiap perkara yang mengancam perkara-perkara di atas adalah kerosakan dan menjauhkannya atau mencegahnya adalah satu masalah.¹

Menjaga kelima-lima perkara tersebut sebagaimana yang dinukilkan oleh Dr. Abdul Nasir ketika memetik pendapat al-Buti *Rahimahullah* bahawa setiap perlakuan yang mengandungi penjagaan kelima-lima elemen ini disebut sebagai *Maslahah*², sementara perlakuan yang membuatnya binasa disebut sebagai *Mafsadah*.³

¹ Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2012). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2009. Perkara: Hukum Pemindahan Atau Pendermaan Organ Manusia*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. hlm: 167.

² *Mashlahah* bererti mengambil manfaat atau faedah dan menolak mudharat dengan berlandaskan kepada matlamat syara'.

³ Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani. (2013). *Kompendium Bicara Isu Semasa Umat Islam Kini*.

Al-Mawardi *Rahimahullah* menyebutkan dalam kitabnya *Al-Ahkam as-Sulthaniyah* di mana telah menjelaskan:

“Memelihara agama atas prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dan atas apa yang telah disepakati oleh umat yang terdahulu, maka sesungguhnya raja itu adalah bintang yang menyerlah atau yang menghilangkan syubhah yang menjelaskan bagi agama itu hujjah dan yang menerangkan bagi agama itu perkara yang betul, dan dilaksanakannya apa yang semestinya berhubungan dengan hak-hak dan batasan-batasan. Dengan yang demikian adalah supaya agama itu terpelihara daripada kerosakan dan umat Islam dihalang dari melakukan penyelewengan.”⁴

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang berpaksikan dengan Falsafah Melayu

Islam Beraja (MIB) yang menjadi dasar dalam pembangunan bernegara. Ajaran Agama Islam menjadi benteng kukuh dalam memelihara kesucian Agama Islam daripada sebarang bentuk penyelewengan yang tidak sesuai dengan fahaman Aqidah Ahli Sunnah wal-Jama’ah bermazhab asy-Syafi’ie.

Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari’ah 2013 yang berkuatkuasa secara berfasa mulai 1 Sya’aban 1435 Hijrah bersamaan dengan 1 Mei 2014 Masihi dan mulai pada 3 April 2019 Masihi, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari’ah dilaksanakan sepenuhnya. Adapun tujuan undang-undang ini dilaksanakan adalah semata-mata untuk memelihara *Maqashid Syari’ah*. Ini jelas sebagaimana titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Bulan Ramadhan Bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi di Istana Nurul Iman pada hari Ahad, 29 Sya’ban 1440 Hijrah / 5 Mei 2019 Masihi, antara lain baginda bertitah:

“...Mengenai dengan undang-undang negara, sebagaimana rakyat dan penduduk mengetahuinya,

Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali. hlm: 13.

⁴ Al-Mawardi. (t.thn). *al-Ahkam as-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlm:140. Rujuk juga Allahyarham Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2023). *Fatwa Dan Mufti Kerajaan*. Buku: Islam Teras Pembangunan. Brunei: Pusat Da’wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. hlm: 92.

Negara Brunei Darussalam telah pun mula melaksanakan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah, 2013 (SPCO) pada 3 April 2019. Ini adalah tanggungjawab keagamaan kita di sisi Allah selaku sebuah negara Islam."

"Undang-undang berkenaan adalah semata-mata bertujuan untuk memelihara 'Maqashid Syari'ah' yang meliputi agama, nyawa, keturunan, harta dan akal."

"...Siapa pun tidak perlu risau terhadap undang-undang jenayah syari'ah kerana ia adalah undang-undang yang penuh rahmat, yang datang daripada pemilik dan pengurnia rahmat. Adalah mustahil bagi pemilik dan pengurnia rahmat (Allah) menyuruh kita untuk memakai undang-undang bagi menzalimi manusia, sedangkan undang-undang yang disuruh itu adalah undang-undang-Nya sendiri..."⁵

Dalam pada itu, bagi memelihara kesucian Agama Islam ini terdapat beberapa akta undang-undang Perintah Hukuman Jenayah Syari'ah telah digubal. Diantaranya di sini

⁵ Jabatan Penerangan. (2020). *Titah-Titah. Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2019*. Brunei: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik. hlm: 34-35.

disebutkan hanya empat sahaja iaitu:

Hukuman Denda bagi Sesiapa yang Tidak Menunaikan Sembahyang Fardhu Juma'at

Dalam akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah turut memperuntukkan dalam bab 194 menjelaskan bahawa mana-mana lelaki yang mukallaf yang tidak menunaikan Sembahyang Fardhu Juma'at di masjid dengan tiada uzur syar'ie atau dengan tiada alasan-alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$200 bagi kesalahan pertama, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$300 bagi kesalahan kedua, dan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 bagi kesalahan ketiga atau berikutnya.⁶

Kesemua denda bagi kesalahan-kesalahan di atas adalah merupakan denda berbentuk *ta'zir*⁷ sahaja.

⁶ Jabatan Mufti Kerajaan. (2016). *Irsyad Hukum 2015 Himpunan Siri Bimbingan Hukum Di Pelita Brunei. Perkara: Kesalahan Tidak Menunaikan Sembahyang Jumaat*. Brunei. hlm: 54.

⁷ *Ta'zir* hukumannya adalah tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman bagi kesalahan *ta'zir* tidak disebut dalam al-Qur'an atau Hadis bertujuan untuk pengajaran. Skop kesalahan

Adapun tujuan digubal akta kesalahan tidak menunaikan Sembahyang Fardhu Juma'at ini adalah supaya setiap lelaki mukallaf, jangan sesekali mencuaikan Sembahyang Fardhu Juma'at, di mana perintah kewajiban untuk menunaikannya disebutkan secara jelas di dalam al-Qur'an mahu pun hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, bahkan para ulama muktabar di kalangan imam-imam mazhab yang empat juga turut bersepakat tentang kewajibannya kecuali bagi golongan hamba, perempuan, kanak-kanak mahupun sakit yang memudharatkan. Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Thariq bin Syihab bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً : عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ. قَالَ أَبُو دَاوُدَ: طَارِقُ بْنُ شِهَابٍ قَدْ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَلَمْ يَسْمَعْ مِنْهُ شَيْئًا.⁸

ta'zir sangat luas, meliputi segala bentuk kesalahan yang bukan *qishash* dan *hudud*. Bentuk hukuman *ta'zir* juga adalah pelbagai, tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim.

⁸ Al-Imam al-Hafiz Abi Daud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajistani *Rahimahullah*. (2009).

Maksudnya:

"Juma'at itu wajib bagi setiap muslim secara berjemaah kecuali empat golongan iaitu; hamba sahaya, wanita, kanak-kanak dan orang yang sakit." Abu Daud berkata; 'Thariq bin Ziyad pernah melihat (hidup semasa) Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, namun dirinya tidak mendengar sesuatu pun dari baginda.

Dalam riwayat yang lain, Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ سَمِعَ الْمُتَادِي فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ، فَلَا صَلَاةَ لَهُ، قَالُوا وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ.

Maksudnya:

Barang siapa yang mendengar suara orang menyerukan azan, sedang dia tidak mempunyai keuzuran untuk memenuhinya (memenuhi seruan itu untuk sembahyang berjemaah), maka tiada sembahyang baginya (untuk diterima secara sempurna). Mereka (para sahabat) bertanya: "Apakah keuzuran itu?" Baginda menjawab: "Takut ataupun sakit."

Menurut Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti

Sunan Abi Daud. Bab: الجمعة للمملوك Riyadh: Darussalam. hlm: 223. No. Hadis: 1067.

Kerajaan Brunei menjelaskan makna ‘keuzuran’ dalam hadits ini ialah takut ataupun sakit. Jika berlaku salah satu, sama ada takut atau sakit sahaja pun, maka itulah uzur yang boleh menggugurkan hukum kewajipan menunaikan Sembahyang Fardhu Juma’at. Pehin Mufti juga turut menukulkan, berkata ulama, takut berlakunya mudharat ke atas diri atau ke atas harta benda adalah termasuk dalam kategori ‘keuzuran’ berkenaan.⁹

Dengan adanya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari’ah tersebut, maka masyarakat Islam di negara ini tidaklah nampak dilihat ‘kuai-libai’¹⁰ berjalan-jalan ketika orang lain sedang menunaikan Sembahyang Fardhu Juma’at. Ini namanya sedikit sebanyak dapat memelihara kesucian agama Islam di negara ini. Apa lagi dengan berkuatkuasanya “Penutupan Semua Premis-Premis Perniagaan, Tempat Permainan” dan seumpamanya sepertimana yang diinginkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidiladha 1433 Hijrah / 2012 Masihi pada hari Khamis 9 Zulhijjah 1433 Hijrah bersamaan 25 Oktober 2012 Masihi, antara lain baginda menyebutkan:

“...Salah satu contoh paling tepat lagi mustahak untuk disegerakan dalam perkara membaiki imej bandar dan malah negara seluruhnya ialah pada hari Juma’at, di waktu atau jam yang bersesuaian, semua premis perniagaan bisaitah ditutup buat sementara waktu, sehingga selesai menunaikan Sembahyang Fardhu Juma’at. Penutupan ini, selain ia sendiri berunsur imej, ia juga akan mampu untuk mengubati penyakit ‘kuai-libai’ setengah kalangan pemuda atau belia di pusat-pusat membeli-belah atau di kaki-kaki lima, sedang orang-orang Islam

⁹ Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2020). Covid-19 Apa Kata Mufti? Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. hlm: 7.

¹⁰ Kuai-libai menurut Buku Mini Bahasa Melayu Brunei Edisi ke-9 bermaksud berjalan ke sana sini.

lain sudahpun berada di masjid atau sedang bergerak ke masjid. Tidakkah, jika perkara ini dibiarkan sehingga berpanjangan, akan mencemarkan imej negara dan malah imej Islam sendiri...?”¹¹

Ini semua menjadikan syi’ar Islam di negara ini semakin terpelihara daripada dosa masyarakat akibat tidak menunaikan Sembahyang Fardhu Juma’at.

Begitu juga dengan adanya akta hukuman undang-undang bagi sesiapa yang tidak menunaikan Sembahyang Juma’at tersebut, menunjukkan keprihatinan kerajaan mengenai kepentingan beragama serta membuka jalan dan mendorong umat Islam di negara ini supaya sentiasa taat dan patuh dalam melaksanakan dan menjalankan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Menurut penjelasan daripada Allahyarham Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman *Rahimahullah*, Mantan Menteri Hal Ehwal Ugama, bahawa kesan positif daripada perintah penutupan sementara pada hari Juma’at, jemaah pada waktu Sembahyang Fardhu Juma’at semakin ramai. Maka apabila bertambahnya jemaah, ada di antara masjid-masjid yang memerlukan ruangan tambahan bagi menampung pertambahan ini, sehinggakan terdapat masjid-masjid yang telah dikenalpasti ‘limpar’ dengan jemaah, telah dinasihatkan untuk mengoptimumkan ruang-ruang yang ada, seperti bilik jemaah perempuan, perpustakaan yang kosong dan seumpamanya. ■

¹¹ Jabatan Penerangan. (2015). *Titah-Titah. Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam* 2012. Brunei: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Pameran. hlm: 79.

Fiqh Puasa untuk Kanak-Kanak: PANDUAN dan HIKMAH

FIQAH



Kedatangan bulan Ramadan merupakan rahmat bagi setiap orang yang beriman. Di bulan ini dibuka segala pintu-pintu langit, pintu-pintu syurga dan pintu-pintu rahmat. Sebagai seorang yang beriman, sudah setentunya tidak ingin terlepas segala peluang yang ada. Lebih-lebih lagi di bulan ini banyak keistimewaan dan ganjaran pahala.

Ajarilah si kecil berpuasa dengan cara perlahan dan berperingkat.

Puasa dalam Islam bermaksud menahan diri dari makan, minum, dan perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari, dengan niat yang ikhlas kerana Allah.

Puasa di bulan ramadhan merupakan salah satu daripada rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap muslim. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ
هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ
فَلْيَصُمْهُ...

Mafhumnya:

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa...

Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab shahih meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* berkata: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ
الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ،
وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

Maksudnya:

Islam dibina atas lima perkara: bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul-Nya, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menunaikan haji ke Baitullah, dan berpuasa di bulan Ramadhan.

Dalam hadits lain juga ada menekankan tentang kewajiban berpuasa di dalam bulan ramadhan, Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Thalhah bin 'Ubaidillah, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda kepada seorang arab badwi yang bertanya kepadanya:

فَقَالَ أَخْبِرْنِي مَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ
الصَّيَامِ فَقَالَ شَهْرُ رَمَضَانَ

Maksudnya:

Khabarkanlah padaku puasa apa yang diwajibkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atasku? Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menjawab: puasa pada bulan Ramadhan.

Namun, bagaimana dengan puasa kanak-kanak? Adakah diwajibkan untuk menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadhan ataupun tidak?

Hukum Berpuasa bagi Kanak-kanak

Pada kebiasaannya, ibu bapa menggalakkan anak-anak mereka yang belum baligh berpuasa walaupun puasa mereka itu tidak sampai sehari penuh. Kadang-kadang ia hanya sebagai satu latihan praktikal kepada anak-anak, di samping mengenal apa itu puasa.

Puasa hanya diwajibkan kepada individu yang telah memenuhi syarat wajib puasa berikut:

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Sihat

Para ulama bersepakat bahawa kanak-kanak yang belum baligh tidak diwajibkan berpuasa, berdasarkan hadits yang menyebut bahawa tidak terdapatnya taklif dan tanggungjawab ke atas seorang kanak-kanak sehinggalah dia baligh. Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam kitab sunannya, daripada Ali bin Abi Thalib *Radhiallahu ‘anhu*

berkata: Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَبْلُغَ
وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمَعْتُوهِ
حَتَّى يَبْرَأَ

Maksudnya:

Terdapat tiga golongan yang amalan mereka tidak dicatat: seorang kanak-kanak sehinggalah dia baligh, orang yang tidur sehinggalah dia terjaga dan seorang yang hilang akalnya sehinggalah dia kembali waras.

Namun, ibu bapa atau penjaga digalakkan untuk mendidik anak-anak tentang puasa sebagai persiapan untuk mereka melaksanakan kewajipan ini apabila baligh kelak.

Namun, ibu bapa atau wali hendaklah memastikan puasa itu tidak menyebabkan kemudharatan kepada kanak-kanak tersebut, dan menilai sejauh mana kemampuan mereka untuk meneruskan puasa.

Melatih Kanak-kanak untuk Berpuasa

Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* memberi contoh mendidik anak-anak untuk beribadah

sejak kecil. Dalam sebuah hadits, disebutkan bahawa para sahabat juga melatih anak-anak mereka berpuasa. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada ar-Rubayyi' binti Mu'awwidz berkata, Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengutus seseorang pada pagi hari di hari 'Asyura (10 Muharam) ke salah satu perkampungan al-Anshar, lalu berkata:

مَنْ أَصْبَحَ مُفْطِرًا فَلَيْتَ بَقِيَّةَ يَوْمِهِ، وَمَنْ أَصْبَحَ صَائِمًا فَلَيْتُمْ. قَالَتْ فَكُنَّا نَصُومُهُ بَعْدُ، وَنُصَوِّمُ صَبِيَّانَا، وَنَجْعَلُ لَهُمُ اللَّعْبَةَ مِنَ الْعِهْنِ، فَإِذَا بَكَى أَحَدُهُمْ عَلَى الطَّعَامِ أَعْطَيْنَاهُ ذَاكَ، حَتَّى يَكُونَ عِنْدَ الْإِفْطَارِ.

Maksudnya:

Barang siapa yang tidak berpuasa di pagi hari, maka hendaklah ia menyempurnakan sisa hari ini dengan berpuasa. Barang siapa yang berpuasa di pagi harinya, hendaklah ia tetap berpuasa.” Ar-Rubayyi' berkata: “Kami berpuasa setelah itu. Dan kami mengajak anak-anak kami untuk berpuasa. Kami membuatkan pada mereka mainan dari bulu. Jika saat puasa mereka ingin makan, maka kami berikan pada mereka mainan tersebut. Akhirnya mereka terus terhibur sehingga mereka

menjalankan puasa hingga waktu berbuka.”

Beberapa cara untuk melatih kanak-kanak berpuasa

1. Pengenalan secara berperingkat:
 - Mulakan dengan puasa separuh hari (hingga waktu Zuhur atau Asar) bagi anak yang lebih muda.
 - Tingkatkan secara beransur-ansur sehingga mereka mampu berpuasa penuh.
2. Memberikan galakan dan motivasi:
 - Berikan pujian atau hadiah kecil sebagai penghargaan atas usaha mereka.
 - Ceritakan kisah-kisah inspirasi tentang keindahan dan ganjaran puasa.
3. Menyediakan suasana yang menyokong:
 - Pastikan makanan sahur yang sihat dan menyelerakan.
 - Wujudkan suasana berbuka puasa yang ceria dan penuh kasih sayang.

4. Sahur:

- Sahur adalah sunat, tetapi sangat dianjurkan untuk memberikan tenaga sepanjang hari.
- Latih anak-anak untuk bangun sahur walaupun mereka hanya makan sedikit.

5. Niat Puasa:

- Kanak-kanak boleh diajar untuk berniat puasa pada waktu malam atau sebelum Subuh.
- Niat membantu mereka memahami bahawa puasa adalah ibadah kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

6. Larangan Semasa Puasa:

- Ajar anak-anak tentang perkara yang membatalkan puasa, seperti makan, minum, atau melakukan perbuatan yang dilarang.
- Gunakan pendekatan lembut untuk memberi kefahaman.

7. Latihan Amalan Tambahan:

- Selain berpuasa, dorong anak-anak untuk meningkatkan amalan seperti sembahyang berjemaah, membaca al-Qur'an dan bersedekah.

Apakah Kanak-kanak Boleh Meninggalkan Puasa?

Kanak-kanak yang sedang dilatih berpuasa tidak berdosa jika mereka tidak dapat menunaikan puasa secara penuh. Sekiranya mereka:

- Terlalu lapar atau dahaga, ibu bapa boleh membenarkan mereka berbuka.
- Sakit atau tidak sihat, galakkan untuk berbuka demi menjaga kesihatan adalah lebih utama.

Penting untuk diingat bahawa latihan puasa bertujuan membina kefahaman, kesabaran, dan kecintaan terhadap ibadah ini, bukan memaksa sehingga memudharatkan.

Hikmah Melatih Anak Berpuasa

Melatih anak-anak berpuasa membawa pelbagai hikmah, antaranya:

1. Membentuk Tabiat Bertaqwa:

- Puasa mendidik anak-anak untuk menahan diri daripada keinginan hawa nafsu dan mengutamakan ketaatan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

2. Meningkatkan Kesabaran:

- Kanak-kanak belajar erti kesabaran dan pengorbanan melalui latihan puasa.

3. Menghargai Ni'mat Allah:

- Dengan menahan lapar dan dahaga, mereka lebih menghargai rezeki yang Allah kurniakan.

4. Memperatkan Hubungan Keluarga:

- Aktiviti seperti bersahur dan berbuka bersama mengeratkan hubungan kekeluargaan.

5. Membina Disiplin:

- Rutin berpuasa membantu anak-anak membina disiplin dalam kehidupan harian mereka.

Kesimpulan

Ibu bapa adalah berkewajipan untuk mendidik anak-anak mereka tentang agama Islam sejak di usia awal mereka lagi.

Mendidik tentang pengetahuan agama, menanamkan akhlak-akhlak mulia dan sebagainya.

Melatih kanak-kanak berpuasa adalah satu usaha mulia yang memerlukan kesabaran dan hikmah. Dengan pendekatan yang sesuai, anak-anak akan membesar dengan



kefahaman yang mendalam tentang kepentingan ibadah puasa dan bersedia melaksanakannya dengan penuh kesungguhan apabila tiba masanya.

Semoga usaha kita dalam mendidik generasi muda menjadi muslim yang taat dan bertaqwa diberkati oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. ■





Bicara Muslimah



Amalan-Amalan Wanita Mudah Masuk Syurga

Apabila menyebut mengenai peluang syurga buat wanita, terdapat beberapa amalan yang menjanjikan ganjaran syurga buat mereka. Oleh itu, peluang yang begitu luas dan tidak terhitung imbalannya ini tinggal lagi untuk mereka berusaha untuk mendapatkannya. Meskipun bukan mudah menjadi wanita pada era globalisasi ini, namun sebagai wanita Islam hendaklah pandai mengimbangi batas peranan mereka, tidak kira ketika berada di rumah mahu pun di luar rumah. Rebutlah peluang agar dapat tergolong dari wanita-wanita yang beriman dan bertaqwa serta menjadi penghuni syurga.



Sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi tawaran istimewa ini kepada mereka dengan hanya meletakkan empat syarat untuk mereka masuk syurga. Ini bertepatan dengan hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab musnadnya daripada 'Abdurrahman bin 'Auf berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خَمْسَهَا، وَصَامَتْ
شَهْرَهَا، وَحَفِظَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ
رَوْجَهَا قِيلَ لَهَا: ادْخُلِي الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ
أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ.

Maksudnya:

Apabila seorang wanita mengerjakan sembahyang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya (kehormatannya) dan taat kepada suaminya, nescaya akan dikatakan kepadanya: Masuklah kamu ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang kamu kehendaki.

Melalui hadits tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa para wanita dengan beberapa amalan ini boleh memasukkan mereka ke dalam syurga. Adapun beberapa amalan yang disebutkan itu adalah seperti

berikut:

Mendirikan Sembahyang Lima Waktu

Menunaikan kewajipan sembahyang merupakan tunjang kepada segala kebaikan. Sembahyang juga dapat menjadi benteng yang menghalang seseorang daripada melakukan kemungkaran dan kemaksiatan, sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-'Ankabut, ayat 45:

...إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ...

Mafhumnya:

...Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar...

Berpuasa Bulan Ramadhan

Bulan Ramadhan merupakan khazanah pahala bagi umat Islam. Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan melipat gandakan ganjaran pahala bagi setiap amalan yang dilakukan di bulan ini. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab

shahihnya, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ عَشْرُ
أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ.

Maksudnya:

Setiap amalan anak Adam akan digandakan pahalanya, satu kebaikan digandakan dengan sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda.

Menjaga Maruah Diri

Untuk menjadi wanita shalihah bukanlah perkara yang mudah, ianya memerlukan kepada keimanan yang kuat dan kesabaran dalam menempuh liku-liku kehidupan, terutamanya bagi wanita yang bergelar isteri. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa wanita shalihah adalah wanita yang menjaga dirinya dan harta suaminya terutama ketika suaminya tidak ada bersamanya, sebagaimana firman-Nya dalam surah an-Nisaa' ayat 34:

...فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَفِظَتْ
لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ...

Mafhumnya:

...Maka perempuan-perempuan yang shalih itu ialah yang ta'at (kepada Allah dan suaminya) memelihara kehormatan dirinya dan menjaga hak-hak suami ketika suami tidak ada bersamanya dengan pemeliharaan Allah...

Wanita atau isteri juga dilarang menampakkan aurat dan mempertontonkan kecantikan mereka kecuali kepada suami mereka. Lebih-lebih lagi di era moden dan canggih ini banyak fesyen khusus untuk muslimah yang direka, namun ada di antara rekaannya tidak menepati kehendak Syara'.

Mentaati Suami Selagi Tidak Menderhakai Allah

Ketaatan isteri kepada suami hukumnya wajib selama dia tidak menyuruh kepada perkara mungkar dan maksiat, dengan kata lain wanita hanya dituntut untuk mentaati suaminya pada perkara yang mendatangkan kebaikan bukannya pada perkara yang melanggar perintah Allah. Hal ini bertepatan dengan hadits yang diriwayatkan oleh riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya, daripada Ali, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا طَاعَةَ فِي مَعْصِيَةِ اللَّهِ، إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ

Maksudnya:

Tidak ada ketaatan dalam kemaksiatan kepada Allah, sesungguhnya ketaatan itu (hanya) pada (perkara) kebaikan.

“Isteri wajib taat
kepada suami selagi
bukan dalam perkara
kemungkaran”





Kenali Rasul

Kemuliaan Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam* Di Dalam Al-Qur'an

Di Dalam al-Qur'an ada menyebutkan mengenai kemuliaan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, antaranya:

* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjadikan ketaatan kepada-Nya selari dengan ketaatan kepada baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Sesiapa yang ta'at kepada Rasulullah maka sesungguhnya dia telah ta'at kepada Allah...

(Terjemahan makna ayat surah an-Nisaa':80)

* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan para malaikat-Nya memberikan segala penghormatan kepada baginda.

Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan.

(Terjemahan makna ayat surah al-Ahzaab:56)

- * **Akhlak baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang mendapat pujian yang tinggi di sisi Allah.**


Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.

(Terjemahan makna ayat surah al-Qalam:4)

- * **Baginda diutus untuk sekalian alam.**

Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya.

(Terjemahan makna ayat surah Sabaa':28)





Fokus

PUASA

Mentarbiah Jiwa

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Qur'an...

(Terjemahan makna ayat surah al-Baqarah:185)

Puasa memiliki kedudukan yang sangat penting dalam agama Islam. Selain menjadi salah satu dari lima rukun Islam, puasa juga merupakan ibadah yang dianjurkan untuk dilakukan secara rutin. Puasa disyariatkan dalam Islam secara berperingkat-peringkat. Apabila orang-orang Islam berhijrah dari Mekah ke Madinah belum ada

puasa yang difardhukan ke atas mereka, melainkan puasa 'Asyura sahaja. Sebelum puasa Ramadhan disyariatkan pada tahun kedua Hijrah, cuma puasa 'Asyura yang diamalkan oleh orang-orang Yahudi dan juga kebanyakan orang-orang Arab di zaman jahiliyah. Hadits yang memperkatakan mengenai puasa 'Asyura sebelum turunnya ayat-ayat

al-Qur'an mengenai kewajiban puasa Ramadhan ialah hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu Abbas bermaksud:

Apabila Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam datang ke Madinah, Baginda mendapati orang-orang Yahudi berpuasa di hari 'Asyura. Baginda bertanya: "Puasa apakah itu?" Jawab mereka (Orang-orang Yahudi itu): Hari ini ialah hari agung. Pada hari ini Allah telah menyelamatkan Nabi Musa dan kaumnya (bani Israil) dari musuh-musuh mereka, dan pada hari ini juga telah ditenggelamkan Firaun dan kaumnya. Nabi Allah Musa berpuasa pada hari ini. Kerana itu kami pun berpuasa. Demikian kata kaum Yahudi itu, lalu sabda baginda: "Kalau begitu, aku lebih utama dan lebih berhak dengan Nabi Allah Musa daripada kamu." Dengan itu Baginda pun berpuasa dan menggalakkan orang-orang Islam juga berpuasa.

Setiap syariat yang diterapkan mesti ada rahsia di sebaliknya dan mungkin dapat diketahui oleh akal manusia atau sebaliknya. Allah Subhanahu wa Ta'ala telah memberitahu manusia tentang hikmah yang tersimpan di sebalik puasa, sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah

Subhanahu wa Ta'ala:

Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa.

(Terjemahan makna ayat surah al-Baqarah: 183)

Puasa adalah cara yang dapat membawa seseorang kepada ketaqwaan. Ini kerana orang yang berpuasa adalah manusia yang paling dekat dengan Allah, sebab laparnya orang yang berpuasa akan merasakan hatinya menjadi bersih. Hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Rahman bin Yazir, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam pernah bersabda yang bermaksud:

"Wahai pemuda sesiapa di antara kamu yang sudah berkemampuan, maka berkahwinlah, kerana ia mampu menjaga penglihatan dan memelihara kehormatan. Namun jika tidak berkemampuan, maka berpuasalah kerana ia adalah benteng.

Selain itu di antara hikmah puasa adalah:

- Mencegah penyakit kerana pola makan yang berlebihan
- Melatih diri untuk tetap bersyukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- Puasa akan melemahkan hawa nafsu yang mendorong seseorang untuk melakukan kejahatan dan maksiat.
- Puasa mengingatkan kita tentang nasib saudara-saudara sesama muslim yang berada dalam kelaparan dan sangat memerlukan makanan. Dengan yang demikian kita akan bersimpati terhadap golongan yang tidak bernasib baik dan kemudian dengan murah hati akan menghulurkan bantuan kepada mereka.
- Puasa menjadi madrasah yang berfungsi mendidik jiwa, mensucikan hati, menahan pandangan dan menjaga tubuh badan.
- Puasa merupakan kemenangan seorang muslim melawan hawa nafsunya. Ianya adalah latihan paling baik untuk membentuk diri menjadi orang yang sabar dan melazimkan diri untuk selalu dekat dengan Allah *Subhanahu*

wa Ta'ala sepertimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya daripada Abu Sa'ed al-Khudri *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Orang yang berpuasa satu hari ketika berjuang di jalan Allah, wajahnya akan dijauhkan Allah dari api neraka sejauh 70 kali musim luruh.

- Puasa merupakan rahsia di antara hamba dengan Tuhannya sebagaimana hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman yang bermaksud:

Setiap perbuatan anak cucu Adam adalah untuknya, kecuali puasa. Puasa itu untuk-Ku, dan Akulah yang akan membalasnya.

Ini kerana ibadah puasa tidak seorang pun yang mengetahuinya selain Allah, berbeza dengan sembahyang, zakat dan haji kerana orang yang sedang membuat ibadah jenis ini dapat diketahui dan dilihat.

Hikmah-hikmah puasa tersebut dapat membentuk jiwa seseorang agar bertaqwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan meninggalkan keinginannya semata-mata kerana patuh kepada perintah-Nya. Dengan itu, akan terdidiklah jiwa orang yang berpuasa untuk meninggalkan keinginannya dengan penuh kesabaran. Ini menunjukkan ketaqwaan adalah elemen penting bagi manusia sehinggakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjanjikan banyak ganjaran dan kenikmatan bagi mereka.

Ganjaran bagi orang bertaqwa sepertimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa (ditempatkan) di dalam syurga-syurga dan ni'mat kesenangan.

(Terjemaahan makna ayat surah ath-Thuur: 17)

Selain hikmah ini terdapat ganjaran bagi orang yang berpuasa juga iaitu akan disediakan satu pintu syurga sepertimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Sahal bin Sa'ad *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Di syurga ada satu pintu yang dinamakan ar-Rayyan. Semua orang yang berpuasa akan memasuki pintu itu nanti, dan tiada seorang pun yang boleh memasukinya selain mereka (orang yang berpuasa sahaja). Maka apabila mereka semuanya masuk lalu pintu itu pun tertutup.

Kita seharusnya mengenali dan mengetahui jenis-jenis puasa yang ada dan tidak hanya terikat berpuasa di bulan Ramadhan yang merupakan puasa wajib bahkan boleh dilakukan pada bila-bila masa dan mengikut hukum yang telah ditetapkan. Puasa itu mempunyai pelbagai hukum dan waktu iaitu:

Puasa Wajib

- **Puasa Ramadhan**
Hukum berpuasa di bulan Ramadhan atau sebulan penuh adalah wajib bagi umat Islam.
- **Puasa Kafarah**
Puasa kafarah sendiri adalah puasa yang ditunaikan sebagai bahagian dari penebusan dosa atau pelanggaran suatu hukum maupun kelalaian dalam melaksanakan kewajiban.
- **Puasa Nazar**
Puasa nazar menjadi kewajiban bagi orang-orang yang telah

mengikrarkan dirinya dengan sesuatu yang telah dilakukan orang itu.

- **Puasa Qadha**

Puasa ini diwajibkan bagi orang yang memiliki hutang puasa selama Ramadhan, seperti wanita yang sedang haidh atau nifas.

Puasa Sunat

- Puasa hari Isnin dan hari Khamis.
- Puasa Daud iaitu puasa yang dilakukan sepanjang tahun dengan cara satu hari berpuasa dan satu hari tidak berpuasa (selang seli).
- Puasa *Ayyamul Bidh* (Puasa Putih) - Puasa *Ayyamul Bidh* dikerjakan selama tiga hari iaitu pada 13,14,15 Hijriah.
- Puasa enam hari di bulan Syawal.
- Puasa Arafah - 9 Zulhijjah atau bertepatan saat jemaah haji melakukan wuquf di Padang Arafah.
- Puasa 'Asyura - 10 Muharram.
- Memperbanyak Puasa di bulan Sya'ban.

Puasa Makruh

- Puasa yang hanya dilakukan di hari Jumaat saja tanpa diringi satu hari sebelum atau selepasnya.
- Mengkhususkan untuk berpuasa di hari Sabtu dan Ahad sahaja.
- Berpuasa satu tahun penuh kecuali hari raya 'Aidil Fitri dan Aidil Adha kerana dikhuatiri puasanya akan mengganggu kegiatan ibadahnya kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- Puasa *Wishal* iaitu puasa yang dilakukan dua hari atau lebih secara berturut-turut tanpa berbuka atau tanpa makan dan minum berterusan selama dua hari atau lebih.

Puasa Haram

- Puasa pada hari syak iaitu 29 dan 30 Sya'ban kerana dikhuatiri bercampur antara puasa Ramadhan dengan puasa sunat di bulan Sya'ban.
- Puasa pada hari raya 'Aidil Fitri dan 'Aidil Adha serta hari-hari Tasyriq (10,11,12 Zulhijjah).
- Puasa seorang wanita yang sedang dalam keadaan haidh dan nifas.

- Puasa yang apabila dilakukannya akan membawa kemudharatan kepada dirinya.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* selalu menggalakkan kepada umatnya apabila melaksanakan sebuah ibadah bukan hanya sekadar mendapat pentakrifan sah sahaja, tetapi baginda lebih menekankan supaya umatnya hendaklah mencapai kesempurnaan dalam melakukannya sepertimana yang dicontohkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sendiri seperti:

- Mengakhirkan waktu untuk makan sahur.
- Menyegerakan untuk berbuka sebelum mendirikan sembahyang fardhu Maghrib.
- Disunatkan berbuka puasa dengan memakan buah kurma dalam jumlah yang ganjil terlebih dahulu.
- Bagi mereka yang berkemampuan dianjurkan untuk menyungkaikan atau memberi makan orang-orang yang berpuasa.
- Ketika seseorang dalam keadaan berjunub maka dianjurkan untuk mandi wajib sebelum masuk waktu fajar begitu juga bagi wanita yang selesai haidh dan nifas.
- Menghindari perkataan dan tingkah laku yang tidak bermanfaat dan sia-sia dalam urusan dunia.
- Meninggalkan perbuatan *mubah* (harus) yang dapat mengurangi kesempurnaan puasa seperti mandi berendam agak lama kerana dikhuatirkan air masuk dalam tubuh badan melalui hidung dan lainnya.
- Memperbanyak sedekah kepada fakir miskin dan menyambung silaturrahim.
- Memperbanyakkan membaca al-Qur'an, berzikir, bersembahyang dan berselawat kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di waktu pagi dan petang.
- Beri'tikaf dalam masjid.
- Membaca doa yang biasa dibaca oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebelum berbuka sebagaimana hadits dari Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Muadz bin Zuhrah, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

اَللّٰهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَبِكَ اٰمَنْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ اَفْطَرْتُ

Maksudnya:

Ya Allah hanya untuk-Mu aku berpuasa dan dengan-Mu beriman, dan di atas rezeki-Mu aku berbuka.

Ibadat puasa sangat banyak memberikan kekuatan kepada umat Islam dengan syarat ibadat ini perlu dilakukan dengan penuh kesedaran dan penghayatan dengan menentang kehendak hawa nafsu yang sia-sia. Puasa juga berperanan penting dalam kehidupan kerana ianya bukan sahaja sebagai ibadat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tetapi dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan seseorang dan mendapat ketenangan dalaman.

...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.

(Terjemahan makna ayat surah al-Hujuraat:13)



HAJAH NOR RAFIDAH BINTI ABD RAHMAN-
Pemenang Pertama Kategori Cerpen bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

CERPEN



Satu Kepercayaan



Gedebuk!

“Aduh! apa kan langgar-langgar ani,” kata Aisyah dengan suara yang sedikit keras bila mana badannya tertolak sehinggakan dia hampir terjatuh ke lantai disebabkan oleh entah siapa gerangannya yang berjalan tanpa melihat kiri dan kanan.

“Lisa...eh kau kah ni Lisa?” Aisyah menyoal perempuan yang sedang berdiri di hadapannya waktu itu. Aisyah memandang Lisa dari atas ke bawah. Dalam hati Aisyah pasti itu adalah Lisa namun penampilan fizikal Lisa bukan seperti biasa yang dilihatnya.

“Sesuatu ya pasti ada sesuatu yang terjadi sehinggakan begitu jauh berubah seorang yang bernama Lisa ini,” bisik Aisyah di dalam hati.

Lisa terkejut disebabkan
kecuaiannya sendiri
mengakibatkan dia
tertembung dengan
Aisyah sepupunya
merangkap
kawan baiknya
semenjak
mereka
kecil lagi.

“Ish...mengapalah bulih terjumpa si Aisya ani di sini” Lisa bermonolog dengan dirinya sendiri.

Rasa-rasanya hampir tiga bulan dia tidak bertemu dengan Aisya apatah lagi hendak menghubungi kawan baiknya itu, jika pun ada hanya Aisya yang sering menanyakan khabar tentang dirinya melalui talian *Whatsapp*. Setiap kali Aisya menyuarakan untuk bertemu dengannya pasti ada saja alasan yang diberikannya semata-mata untuk mengelak dari sebarang perjumpaan atau pertemuan.

“Ya Allah! Lisa...jujur ku cakap...banar-banar ku terkajut meliat usulmu ani... mengapa kan kau Lisa...sakitkah? Jauh banar ubahmu aa...mukamu lagi pucat...badanmu pun susut sampai ku inda kilala kau bah,” tanya Aisya dengan suaranya sedikit bergetar kerana menahan rasa rindu dan sebak serta bercampur sedikit terkilan pertemuan yang sangat mengejutkan ini.

“Kalau ada kan kau kongsi kan sama aku, aku selalu ada dan sanggup mendengar Lisa,” tambah Aisya lagi sambil memeluk tubuh Lisa yang semakin mengecil itu.

Lisa tersenyum hambar sambil memandang Aisya. Sukar baginya untuk memulakan bicara bercerita mengenai kisah lebih tepat lagi ujian yang menimpa dirinya selama tiga bulan kebelakangan ini.

Aisya dengan segera mendorong tubuh Lisa sambil-sambil melihat ruangan kosong untuk mereka berdua berbual. Beberapa tapak mereka melangkah akhirnya mereka terjumpa kerusi kosong yang memang tersedia bagi pelanggan yang membeli belah di pasaraya tersebut. Tempat yang sesuai untuk mereka berbual kerana tempatnya agak tersorok dari orang ramai.

Aisya memegang tangan Lisa dengan eratnya secara tidak langsung menyalurkan semangat dan aura positif buat kawan karibnya ini. Lisa merenung wajah Aisya

sambil tersenyum pahit lantas dia berkata, "Apa khabarmu Aisya?" "Sorry bah rasanya lama sudah tani inda berjumpa gara-gara aku selalu menolak ajakanmu" Lisa menyambung katanya lalu menundukkan kepalanya.

"*Alhamdulillah* ku khabar baik, Lisa... kau apa khabarmu? Mengapa kau macam ani? Sakit kau kah? Banar eh mun ganya tani melintas saja bukannya tani terlanggar tadi inda banar ku tahu atu tu kau," jelas Aisya dengan bersungguh-sungguh.

"Yang kau liat ani, iatah aku masa ani... inda ku tau sebenarnya apa yang jadi arahku... katakan ku sakit inda jua pasal sudah ku berjumpa doktor buat *full check up* ambil darah bahapa semua *result* ku atu ok," terang Lisa.

"Aku inda tahu Aisya...hidupku masani ummm...susah mahu cakap kondisiku masa ani yang pasti hidupku inda lagi seceria dan secergas dulu...badan selalu rasa lamah, dada terasa sesak, emosi

turun naik, susah mahu tidur...kan buat apa-apa pun inda bermaya rasa malas atu lagi kuat...sampaikan bisnes *skincare* dan *online* bisnes yang kubuat ter bengkalai bah," tambah Lisa lagi.

Aisya mendengar dengan tekun apa yang Lisa ceritakan padanya. Hatinya begitu sedih mengenang nasib Lisa yang terpaksa menanggung derita itu seorang diri. Rasa kesal bersarang di hati Aisya kerana Lisa tidak berkongsi masalahnya itu padanya. Apatah lagi Lisa seorang anak yatim piatu dan tidak mempunyai adik beradik yang lain. Dia merupakan anak tunggal dalam keluarganya. Hanya mengharapkan bapa saudara dan emak saudara serta sepupu-sepatnya tempat dia menumpang kasih.

"Tapi kenapa kau inda pernah bagitau aku, Lisa? Kenapa kau pendam semua ani seorang diri? Kau tahu kan, aku sentiasa ada untuk kau." Aisya menggenggam tangan Lisa, cuba memberi semangat.

"Aku inda mau susahkan kau Aisya... aku rasa... aku inda layak untuk ada teman macam kau. Selama ni, aku sibuk dengan bisnes, sosial media, semua tu... tapi masa ani aku rasa macam hidup aku inda ada arah tuju. Macam mana tah aku kan bercerita semua ni arahmu? Aku sendiri pun inda tahu apa yang jadi dengan diriku..." terang Lisa lagi.

"Lisa... jangan fikir macam atu. Kau nada menyusahkan aku, ok? Aku kawan baikmu lagi-lagi tah tani ani bersaudara...ingat tu. Tani banyak sudah melalui susah sanang bersama, kenapa ani kau kan simpan semua ani sendiri?" Aisya menundukkan kepalanya, cuba menahan air mata yang hampir tumpah.

"Aku takut kalau orang tahu, karang durang pandang lemah arahku. Lagipun, siapa kan mendengar masalahku ani?" Lisa berkata, sedikit sinis, walaupun hatinya terasa sebak.

Habis waktu bekerja Aisya bergegas untuk pergi ke kelas mengaji secara bertarannum yang diikutinya secara persendirian. Dalam perjalanannya menuju ke sana, dia segera memasang radio saluran Nur Islam FM, Sayup-sayup kedengaran suara alunan zikir yang berkumandang di corong radio. Lembut alunan suaranya yang sangat menenangkan minda dan mendamaikan hati. Sesiapa yang mendengar pasti tersentuh mendengar tiap bait-bait ayat zikir yang dialunkan itu.

Entah macam mana dia terimbas semula pertemuannya dengan Lisa tiga hari lepas, terbayang kembali wajah sugul dan beban masalah yang dihadapi oleh kawan baiknya itu. Aisya memikirkan bagaimana caranya mahu menolong Lisa.

Tiba-tiba terbayang sosok badan Ustazah Murni.
Ustazah Murni...lantas Aisya
tersenyum girang.

“Ustazah Murni...aa karang ku cuba
minta pandangan ustazah pasal hal si
Lisa ani...siapa tahu ada buah fikiran
dari Ustazah Murni yang dapat
menolong menyelesaikan masalah si
Lisa,” kata Aisya.

“Kawanku ani kira *famous* jua
di *socmed*, siapa inda kenal Lisa
usahawan dan *influencer*...setiap
kali ia *live* di Tiktok pasti ramai
yang join tu...apa lagi jualan yang
dipromosinya tatap laku keras.” Aisya
menceritakan lagi latar belakang Lisa
kepada Ustazah Murni.

Setelah selesai belajar
mengaji, Aisya
pun memulakan
perbualannya dan
tanpa melengah
masa dia pun
menceritakan
masalah yang
menimpa kawan
baiknya itu kepada
Ustazah Murni.

*Aisya
mendengar
dengan
bersungguh-sungguh
ada kalanya dia
mengangguk-anggukan
kepalanya... dalam
hatinya menyetujui
terdapat ciri-ciri
yang disebutkan
tadi ada*

“Wallahu a'lam jua Aisya,
tapi dari cerita Aisya
tadi yang sepupu
merangkap kawan
baik Aisya ani seorang
pempengaruh di
laman sosial kan?
Kalau macam atu
memang tah ia ani
banyak *followers*
tapi jangan jua silap
tatap banyak jua
haters... dengan kata lain

“Ustazah Murni...dari
yang ku ceritakan kita
atu apakan aa banarnya
yang kawanku atu hadapi...
bebawa hospital udah doktor pun
mengesahkan ia nada apa-apa...
tapi menurut kedidia dirinya masa
ani bukan macam ia dulu-dulu...
usul mukanya pucat inda bemaya,
badannya rasa sakit-sakit dan
lamah, inda bersemangatkan buat
apa-apa...sebabkan keadaannya
ani segala aktiviti kebiasaannya
dirantikannya...,” terang Aisya pada

*pada
Lisa*

banyak mata-mata yang
melihat ia...*Allahuma Shalli*
‘ala Saiyidina Muhammad...ada
pernah Aisya mendengar sal penyakit
‘ain?” Kata Ustazah Murni.

“Apa tu Ustazah? Inda pulang ku
pernah mendengar?” Balas Aisya.

“Bah Ustazah menjelaskan secara
ringkas saja dulu, nanti bisai tah kali
bawa jua kawan Aisya atu berjumpa
Ustazah dapat ia mendengar sendiri

apa yang ustazah kurapakkan ani” kata Ustazah Murni.

“Penyakit ‘ain ani ialah penyakit yang disebabkan oleh pandangan mata yang disertai sifat iri atau rasa takjub terhadap apa yang dipandang. Ianya boleh terjadi sama ada dari orang yang dengki atau orang yang dicintai, dari orang yang jahat atau orang yang shalih”.

“Lagi-lagi, ciri-ciri bagi siapa yang terkena penyakit ‘ain ani hampir sama dengan apa yang kawan Aisyah hadapi itu... biasanya bagi yang terkena penyakit ‘ain ani wajah akan menjadi pucat dan kekuningan seperti inda bermaya, badan menjadi lemah, sakit semua tempat saraf dan badan rasa bisa menjelang maghrib, jantung berdegup kencang dan laju menjelang malam, selalu mimpi pelik dan mengerikan, selalu kena demam panas, mengigil dan tidak bersemangat...disebabkan itu jiwa jadi gelisah, hidup inda tenteram

dan inda keruan, mood jadi *swing*, makan pun inda lalu hilang selera,” terang Ustazah Murni secara panjang lebar.

Aisyah mendengar dengan bersungguh-sungguh adakalanya dia menganggu-anggu kan kepalanya... dalam hatinya menyetujui terdapat ciri-ciri yang disebutkan tadi ada pada Lisa.



“Ustazah nantiku ada berjumpa kita aa lagi... selajurku membawa kawanku itu biar sama-sama mendengar kalau dapat diusahakan Ustazah untuk kawanku itu pulih seperti sedia kala,” kata Aisyah penuh pengharapan.

“*Insyallah* kalau Allah mengizinkan.. sama-sama tani berusaha dan berikhtiar,” balas Ustazah Murni.

“Lisa mau kau rubah arah urang pemandai? Ijapku sesuatu yang misteri bah *happen* arahmu...mana

tahu ada yang dangki atau urang dandam arahmu, *who knows*? Baik jua berusaha nya urang kalau melalui perubatan moden udah inda dapat membantu bah tani berubat cara macam ani, " soal Aisya kepada Lisa.

jua kau kan benda-benda mistik ani... berjumpa urang pemandai bagai... karang lain jadinya! Tahu tah karang ani banyak yang mengakun pandai tapi sebenarnya menipu...*scammer* saja," sahut Lisa dengan nada sinis.

"*Astaghfirullah al-adzim...uuiii* Lisa

Dahi Lisa berkerut seribu. Panas hatinya mendengar kata-kata yang keluar daripada mulut sepupu a.k.a kawan baiknya itu, logiknya tiada siapa yang hendak dengki padanya jauh lagi hendak berdendam. Selama ini dia tidak mengganggu hal atau periuk nasi orang lain kerana dia hanya menyibukkan dirinya dengan menjalankan kehidupan hariannya dan bisnesnya sahaja. Namun pada masa yang sama dia memuji keprihatinan sahabatnya itu. Hatinya tersentuh benar. Benar! Aisya memang ambil berat tentang dirinya. Aisya memang sahabat yang baik. Cuma dia sahaja yang tidak menghargai kebaikan kawan baiknya itu.

"Ish kau ani aa Aisya...tinggi saja pelajaranmu...tapi rupanya percaya

maksudku bukan bomoh atau dukun dan seangkatan dengannya... maksudku tani bejumpa sama ustaz atau ustazah paling inda pun cari rawatan secara Islamik...minta *ruqyah* bah...tani berusaha rawatan secara perubatan Islam," jawab Aisya.

"Tahu ku jua Lisa bedosa basar bah mempercayai tukang tilik, bomoh, dukun... ujung-ujung jatuh tahap kufur saja. *Nauzubillahi min zalilk*. Ingatku masih Lisa kan hadits riwayat Imam Ahmad dalam kitab musnadnya, daripada Abu Hurairah dan Hasan, daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang mendatangi dukun atau tukang ramal, lalu dia membenarkan apa yang dikatakannya, maka sungguh ia telah

Kalau bukan kitani sebagai umat Islam yang memelihara kesucian agama Islam daripada dinodai oleh sebarang ajaran sesat, khurafat atau bid'ah siapa tah lagi? Tani tah sepatutnya memelihara kesucian agama Islam....

kufur kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*,” terang Aisyah bersungguh-sungguh.

“Sia-sia saja amal ibadah tani kalau kitani menyekutukan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*...ingatku ada kubaca bah dari Syeikh Dr Wahbah az-Zuhaili dalam *al-Fatawa al-Mu’asirah*, beliau berkata: Diharamkan untuk pergi kepada tukang sihir sama ada untuk melakukansihirataupengubatansihir. Maka semua itu sebagaimana yang disebutkan di dalam hadits nabawi adalah salah satu jenis daripada syirik kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* kerana ia adalah keyakinan dengan mengetahui yang ghaib atau pengobatan penyakit melalui perantaraan selain Allah *Subhanahu wa Ta’ala*,” tambah Aisyah lagi.

“Kalau bukan kitani sebagai umat Islam yang memelihara kesucian agama Islam daripada dinodai oleh sebarang ajaran sesat, khurafat atau bid’ah siapa tah lagi? Tani tah sepatutnya memelihara

kesucian agama Islam daripada dicemari anasir yang bertentangan dengan syarak... Semoga Allah *Subhanahu wa Ta’ala* memelihara kitani dan ahli keluarga tani dilindungi dari kekufuran dan dijauhkan dari kejahatan dan kesesatan,” sambung Aisyah penuh harapan.

Lisa terdiam mendengar penjelasan yang diutarakan oleh Aisyah. Jauh di sudut hatinya, dia mengakui kata-kata sahabat baiknya itu. Sungguh, dia bangga dengan tahap ilmu pengetahuan Aisyah, terutama dalam hal agama. Jauh berbeza dengan dirinya, yang terasa cetek dalam bab ini.

Kenangan zaman remaja semasa mereka masih dalam pengajian kembali terlintas di fikiran Lisa. Dia melanjutkan

pengajiannya di Oxford, United Kingdom dalam jurusan Business and Management. Manakala Aisyah pula memilih Jordan untuk mendalami Pengajian Islam dalam Jurusan Hadits. Berbeza tempat pengajian tidak pernah menjadi halangan untuk mereka terus berhubung. Dengan kecanggihan teknologi masa kini, komunikasi hanya di hujung jari, membuatkan hubungan mereka tetap akrab seperti dahulu.

Beberapa kali keluhan dilepaskan. Lisa mengusap wajahnya dengan kedua tangan, kemudian menyandarkan tubuh ke birai katil.

Jam menunjukkan pukul satu pagi, namun matanya masih belum mampu dipejam walau sejenak. Malamnya benar-benar terganggu. Fikirannya melayang entah ke mana, tidak menentu. Suara Aisyah masih terngiang-ngiang di telinganya, membuatkan hatinya resah. Sukar baginya untuk menghentikan fikiran yang terus berputar tentang kata-kata sahabatnya itu.

“Lisa, aku faham perasaanmu. Tapi rawatan yang aku maksudkan bukanlah seperti yang kau fikirkan. Kitani bukannya kan berjumpa bomoh atau tukang sihir. Aku mahu kau tahu, kaedah ini berdasarkan al-Qur’an dan as-Sunnah. Kaedah ruqyah ini boleh membantu membersihkan jiwa dan fizikal kitani daripada gangguan yang anda kelihatan,” jelas Aisyah dengan penuh keyakinan, cuba meyakinkan Lisa tanpa memaksa.

Keputusan telah dibuat. Dengan hati yang berat tetapi penuh harapan, Lisa pantas menaip mesej kepada Aisya melalui aplikasi *Whatsapp*.

Allahu Akbar...Allahu Akbar....

Laungan azan Zuhur berkumandang menandakan telah masuk waktu untuk mengerjakan sembahyang fardhu Zuhur.

“Lisa tani singgah masuk masjid dapan ani aa... sembahyang tani dulu sementara menunggu Ustazah Murni sampai karang,” kata Aisya sambil memutar stereng keretanya menuju ke perkarangan masjid.

Lisa menelan air liur. “Adui! Sembahyang...masjid...habislah aku,” kata Lisa dalam hati, gelisah.

Aisya berdiri di luar kereta, melihat Lisa masih duduk diam di dalam kereta. Tanpa berfikir panjang, Aisya mengetuk jendela kereta, mengisyaratkan supaya Lisa turun

bersamanya masuk ke dalam masjid. Lambat-lambat Lisa membuka pintu kereta.

“Bah maritah sementara awal ani tah sembahyang dulu...tani lagi berjanji kan berjumpa ustazah ni...inda bisai nyamu berjanji inda belurus...bah lakas tah,” bebel Aisya dengan mesra, namun tiba-tiba tangan Lisa menariknya ke belakang kereta.

“Err...errr...Aisya...”
Lisa gagap, suaranya tersekat-sekat.

Aisya mengerut dahi.
“Kenapa dengan Lisa ni?”

“Aku...aku...” kata Lisa, suaranya tersekat-sekat, sambil otaknya ligat memikirkan cara untuk memberitahu Aisya tentang perkara yang sebenar.

“Kenapa ni Lisa? Ku lihat macam urang inda tantu rasa saja kau ani” kata Aisya dengan nada selamba, tidak menyedari gelisahanya Lisa.

Lisa menarik nafas panjang. Cuba mengumpul kekuatan. Ada sesuatu yang Aisya perlu tahu mengenai dirinya.

*Inda apa
Lisa...masih belum
terlambat kau balik
ke pangkal jalan.
Aku janji aku
akan tolong
kau sampai ko
pandai, janji
Aisya lembut,
penuh
kesungguhan.*

“Aku sebenarnya lupa macam mana kan sembahyang,” ujar Lisa terus terang. Tidak mampu lagi berselindung.

“Apa?” Aisya terjerit kecil, terkejut.

Lisa mengangguk laju.

“Indakan inda kau tau langsung?” soal Aisya, pelik.

Lisa tunduk, malu hendak bertentang mata dengan Aisya. Dia menggelengkan kepalanya sebagai jawapan kepada pertanyaan sahabatnya itu.

“Lama sudah ku inda sembahyang, dariku mula belajar di overseas aa,” ujar Lisa suara bergetar.

Sudah lama dia meninggalkan ibadah yang menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam. Sejak melanjutkan pelajarannya di United Kingdom, dia terus lupa akan tanggungjawabnya sebagai seorang muslim. Terhanyut dengan kehidupan orang barat yang ternyata lebih jauh terpesong dari landasan agama yang sebenar.

“Astaghfirullah hal adzim...” keluh Aisya, berat.

“Inda apa Lisa...masih belum terlambat kau balik ke pangkal jalan. Aku janji aku akan tolong kau sampai ko pandai” janji Aisya lembut, penuh kesungguhan.

Lisa terdiam mendengar kata-kata

Aisya. Dia merasakan sebak di dada. Malu dan rasa

bersalah menyelubungi

dirinya. Betapa jauh

dia telah menyimpang

dari jalan yang benar,

tetapi di sisi lain,

dia merasa terharu

kerana Aisya tidak

meninggalkannya,

malah tetap ingin

membantunya

kembali ke jalan yang

benar.

*Allahu Akbar...
sungguh Allah
Ta'ala kasih
arahmu Lisa. Allah
menurunkan ujian
arahmu pasal Allah
masih sayang kan kau...
sesungguhnya Allah
inda kan menguji
hamba-Nya di
luar kemampuan
hamba tersebut.*

“Assalamualaikum

Ustazah Murni...lama kita

nunggu ustazah...minta maaf

kalau kami terlambat” sapa Aisya

sambil bersalam dengan Ustazah

Murni.

“Walaikumsalam warahmatullahi

wabarakatuh...baru jua ustazah

sampai Aisya. Anikah ni sepupu

merangkap kawan baik Aisya yang

Aisya ceritakan itu” jawab Ustazah Murni sambil bersalam dengan Lisa.

“*Alhamdulillah* akhirnya berjumpa tah ustazah sama influencer famous ani...biasa meliat di Tik Tok saja, ani secara *real* tah Ustazah meliat Lisa” terang Ustazah dengan senyuman riang.

“Aku ani biasa-biasa saja ni ustazah nada jua *famous* mana...malu pulangku...lagipun lama sudahku inda lagi aktif di Tik Tok atau mana-mana *socmed* dengan keadaan diriku masa ani ustazah,” jawab Lisa dengan suara perlahan.

“Lisa, ku ada pulang cerita serba sikit pasal kau arah Ustazah Murni hari itu tapi bisai tah kau bercerita sendiri masalahmu ani apanya urang lagi afdhal,” kata Aisya pada Lisa.

Lisa pun mula menceritakan tentang dirinya dan kerjayanya. Lisa mengenalkan dirinya sebagai *founder* bagi produk Lisa Skincare. Selain itu dia juga adalah seorang *influencer* dalam *socmed* yang dikenali ramai sehinggakan jika disebut namanya orang pasti mengenalinya. Apatah lagi sebagai *affiliate* Tik Tok.

“latah ustazah semua itu rutinku sebelum tiga bulan lepas...tapi semuanya berubah...yang ku perasan masa bulan pertama itu ku selalu saja inda nyaman rasa badan, sakit kepala, kadang-kadang memaning bepusing ni penglihatan...sentiasa rasa cemas dan gelisah. Sudah itu dada ani macam dabar-dabar...lagi rasa malas yang kuat...inda mau kan membuat apa-apa apa nya urang macam jasad saja hidup tapi mati perasaan,” luah Lisa dengan nada penuh kejujuran.



“Sampai satu tahap ku hilang rasa sama *passionate* untuk bahapa apa, semua ku abaikan...jangankan bisnis ku...diriku pun inda ku teruskan mengusahakan. Mula-mula aku pikir aku ani sakit jantungkah apakah maklum dada rasa kancang abak-abaknya sampai ada kalanya bepaluh-paluh. Sudah buat *full check up*, nya doktor nada apa-apanya. Lapas atu inda tah ku tau apa lagi kan ku usahakan sampai-sampai ku tertambung Aisyah sariatu” terang Lisa panjang lebar.

“Allahu Akbar... sungguh Allah Ta’ala kasih arahmu Lisa. Allah menurunkan ujian arahmu pasal Allah masih sayangkan kau... sesungguhnya Allah inda

kan menguji hamba-Nya di luar kemampuan hamba tersebut. Sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam surah al-Baqarah ayat 286 yang terjemahannya kira-kira bererti *Allah tidak membebani seseorang, kecuali menurut kesanggupannya...*” kata Ustazah Murni sebagai mukadimah. “Sepertimana hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya,

daripada Abu Hurairah, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: “Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.”

“Sepertimana hadits lain lagi... riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami’nya, daripada Usamah bin Syuraik, Rasulullah *Shallallahu*

Penyakit 'ain
ani adalah sejenis
penyakit non fizik
atau supernatural namun
efeknya boleh dirasakan
arah fizikal manusia yang
mengalaminya. 'Ain ani
penyakit berpunca dari
perasaan mengagumi
orang lain secara
berlebihan.

‘alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud: “Berubatlah wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah tidak meletakkan penyakit, melainkan meletakkan untuknya ubat, kecuali satu penyakit, iaitu tua.”

“Melalui dua hadits di atas jelas mengatakan bahawa setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* pasti akan diturunkan penawar bersama dengannya. Sebagai hamba Allah tani berusaha dan berikhtiar saja mencari penawar lapas atu tawakkal dan jangan lupa untuk berdoa semoga sembuh dengan izin Allah jua.”

“Melalui pengamatan Ustazah dan pengalaman-pengalaman orang lain yang diceritakan arah ustazah... ciri-ciri yang dihadapi oleh Lisa ani menunjukkan ke arah penyakit ‘ain,”kata Ustazah Murni dengan tenang.

“Penyakit ‘ain? Apakah tu ustazah? Kana sihirkah? Kana buat-buati orang? tanya Lisa dengan penuh tanda tanya.

“Penyakit ‘ain ani adalah sejenis penyakit non fizik atau *supernatural* namun efeknya boleh dirasakan arah fizikal manusia yang mengalaminya. ‘Ain ani penyakit berpunca dari perasaan mengagumi orang lain secara berlebihan namun bercampur sifat iri hati atau dengki,” jelas Ustazah Murni dengan lembut.

“Bahaya ‘ain ani terutama bagi yang tedapat akaun media sosial... *Facebook* la, *IG* la, *Tik Tok* la, profil

status di *Whatsapp* la ...masing-masing iski mengongsikan perihal diri sudahtu memuat naik gambar-gambar untuk tontonan umum... secara inda langsung meliat-liatkan kebahagiaan, kesenangan, kegembiraan di laman-laman sosial ani...oleh atu sedar atau inda, apa saja yang dikongsikan ani ada ‘mata-mata’ yang memerhatikan,” tambah Ustazah Murni dengan penuh perhatian.

“Dalam masayangsama, perkongsian atu membuka ruang untuk orang lain meninggalkan komen sama ada baik atau buruk. Namun, perlu jua kitani ketahui bahawa tindakan tani atu sebenarnya boleh mengundang kepada penyakit ‘ain jika individu yang melihatnya menyimpan bibit-bibit cemburu dalam hati,” jelas Ustazah Murni dengan serius.

“Ani bertepatan dengan sebuah hadits riwayat Imam Muslim



dalam kitab shahihnya, daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: "Al-'Ain itu *haq* (benar). Jika ada sesuatu yang menjangkau qadar maka 'ain lah (yang dapat menjangkauinya). Jika diminta kepada kamu untuk mandi (untuk penyembuhan), maka mandilah."

Ustazah Murni menjelaskan dengan lebih terperinci lagi tentang penyakit 'ain ini.

"Ustazah...ada carakah untuk tani menghindarkan diri dari terkena peyakit 'ain ani?" Soal Aisyah.

"In sya Allah dengan izin Allah pasti ada caranya...kitani mohon perlindungan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* anitah yang sebaik-baik pencegahan daripada terkena penyakit 'ain malah daripada segala mara bahaya. Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* memperlindungan al-Hasan dan al-Husin *Radhiallahu 'anhuma*. Sepertimana dalam hadits Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

أَعِيذُكُمْ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ عَيْنٍ لَامَةٍ

Maksudnya: "Akumemperlindungan kamu berdua dengan kalimat-kalimat Allah yang maha sempurna daripada syaitan, binatang berbisa dan mata yang dengki," jawab Ustazah Murni.

Penyakit 'ain ani adalah sejenis penyakit non fizik atau supernatural namun efeknya boleh dirasakan arah fizikal manusia yang mengalaminya. 'Ain ani penyakit berpunca dari perasaan mengagumi orang lain secara berlebihan.

Lisa cuba menghadam segala penjelasan yang telah Ustazah Murni terangkan tadi. Di kepalanya, hanya satu perkara yang terpikirkan - bagaimana cara untuk dia kembali pulih seperti sedia kala.

"Ustazah...tolong tah ku Ustazah...kalau banar aku ani tekana penyakit 'ain ani dapat kita mengubati aku...inda ku sanggup lagi hidup macam ani Ustazah," rayu Lisa dengan penuh harapan.

"Minta maaf Ustazah kan kadikau Lisa...bab-bab merawat ani meruqyahkah membagi mandikah bukannya bidang atau kepakaran

Ustazah...tapinya Ustazah *in sya* Allah dapat menolong membagitau siapa urangnya dan di mana tempatnya yang bulih menolong Lisa nanti... *in sya* Allah hamba Allah atu mau tu menolong," kata Ustazah Murni.

Ustazah kemudian memberikan nombor telefon Ustaz Ibrahim dari Darussyifa' kepada Lisa. Menurut Ustazah Murni, Ustaz Ibrahim adalah salah seorang ustaz yang sering merawat masalah seperti ini.

Lisa mengangguk perlahan, sedikit lega setelah mendengar penjelasan dari Ustazah Murni. Walaupun hatinya masih gelisah, dia merasa sedikit terbangun dari kegelapan yang menyelubungi hidupnya. Dia tahu bahawa ujian yang dia hadapi ini bukan tiada jalan keluar. Semua yang berlaku adalah atas kehendak

Allah, dan pasti ada penawar untuk setiap penyakit yang diturunkan.

"Terima kasih banyak Ustazah," ujar Lisa dengan penuh rasa syukur. "Saya akan hubungi Ustaz Ibrahim segera. Semoga Allah memberikan saya kekuatan untuk menjalani semua ini."

Temu janji telah disepakati untuk bertemu dengan Ustaz Ibrahim di cawangan Darussyifa' di Kampong Madang selepas waktu Asar. Lisa ditemani oleh sepupunya Aisya. Giliran Lisa untuk menerima rawatan pun tiba.

Ustaz Ibrahim memulakan sesi dengan bertanya latar belakang Lisa, kemudian menanyakan tujuan kedatangannya ke situ. Lisa pun menceritakan sedikit sebanyak



masalah yang menyimpannya, dan dia syak berkemungkinan dia terkena penyakit 'ain kerana simptom-simptom yang dihadapinya seperti orang yang terkena penyakit tersebut.

Ustaz Ibrahim pun memulakan sesi *ruqyah*. Aisya duduk di sudut hujung bilik, memerhatikan Lisa yang sedang *diruqyah*. Tiba-tiba, Lisa kelihatan seperti hendak muntah. Ustaz Ibrahim mengisyaratkan kepada Aisya untuk mengambilkan bakul sampah yang tidak jauh daritempat Aisya duduk. Aisya segera mengambilnya dan memberikannya kepada ustaz.

Ustaz menyuruh Lisa untuk memegang bakul sampah tersebut, sementara beliau meneruskan bacaan ayat-ayat *ruqyah*. Tiba-tiba, ketika ustaz menepuk-nepuk belakang bahu Lisa, Lisa muntah secara tiba-tiba.

Aisya terkejut menyaksikan kejadian itu. Dia sangat terkejut melihat Lisa dalam keadaan sedemikian.

"*Alhamdulillah... Cik Lisa...selesai dah...dah boleh buka mata tu...,*" kata Ustaz Ibrahim sambil memberikan beberapa helai tisu pada Lisa yang dari tadi memejamkan matanya.

Lisa mengelap mulutnya yang sedikit comot akibat muntah beberapa kali semasa sesi rawatan tadi. Namun, ada sesuatu yang sangat dia rasakan badannya kini terasa segar bugar, dan jiwa serta hatinya merasa tenang.

*Astaghfiullah
hal adzim. durang
ani iuda takutkah
dengan azab Allah?
Kata Aisya dengan
wajah penuh geram,
merasa marah mendengar
penjelasan itu. Nampak
gaya tak takut le tu kalau
takut takde le mereka
sihir sana sihir sini."
balas Ustaz
Ibrahim.*

Ustaz Ibrahim kemudian mengambil beberapa botol air dan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an di atas air tersebut. Setelah selesai, beliau menyerahkan botol-botol air yang telah dibacakan itu kepada Lisa.

"Orang tu mungkin menjampi melalui gambar Cik Lisa dan kemungkinan hantar sihir itu melalui perantaraan makhluk halus tujuannya ingin melihat Cik Lisa dalam kesusahan...biasanya benda ni jadi kerana sikap hasad dengki manusia atau dendam kesumat," Kata Ustaz Ibrahim dengan slang Bahasa Malaysia.

Lisa pandang Aisyah, kemudian Aisyah pandang pada Lisa tanpa mengeluarkan sebarang kata.

“Jampi...sihir...?” Serentak Lisa dan Aisyah bertanya dengan rasa terkejut. Ustaz Ibrahim mengangguk perlahan, wajahnya serius. “Cik Lisa... yang kena kat cik bukanlah penyakit ‘ain tetapi adalah sihir yang dihantar oleh seseorang. Dunia ni walaupun dah moden dan teknologi serba canggih jangan sangka takde yang mengamalkan ilmu sihir ni...punca tak lain tak bukan...hasad dengki yang kuat ...tak dapat tengok orang senang dan berjaya...”

“Dalam surah al-Baqarah ayat 102, Allah berfirman tentang bagaimana orang-orang menggunakan sihir itu diamalkan pada zaman Nabi Sulaiman lagi.”

“Sedangkan Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* sendiri

pun...kekasih Allah yang maksum dari melakukan dosa...Allah uji dengan sihir yang dihantar oleh seorang Yahudi yang bernama Labid bin Aksam dari Bani Zuraiq.”

“Peristiwa ini berlaku tatkala Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* balik dari Hudaibiah dalam bulan Zulhijjah tahun tujuh hijriah. Setelah selesai Perang Khaibar maka datanglah ketua-ketua Yahudi bertemu seorang tukang sihir Yahudi yang terkenal dalam kalangan mereka bernama Labid bin Aksam, bertujuan untuk melakukan sihir ke atas Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.”

“Dengan kerjasama daripada seorang budak Yahudi yang juga khadam nabi, mereka telah mencuri sikat rambut Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* beserta rambut yang terdapat pada gigi sikatnya. 40 hari Nabi terkena sihir.” Cerita Ustaz Ibrahim mengenai sihir.



"Astaghfirullah hal 'adzhiim... durang ani inda takutkah dengan azab Allah? kata Aisyah dengan wajah penuh geram, merasa marah mendengar penjelasan itu.

"Nampak gaya tak takut le tu...kalau takut takde le mereka sihir sana sihir sini...," balas Ustaz Ibrahim.

"Semua ni kena ada iman kat sini..." kata Ustaz Ibrahim sambil meletakkan tapak tangannya dekat kawasan hati.

"Orang yang beriman dan bertaqwa setentunya mereka ini akan menjaga kesucian agama Islam... mereka takkan sesekali menyekutukan Allah Subhanahu wa Ta'ala."

"Berpegang teguh pada kalimah Allah...taat pada perintah Allah dan Rasul-Nya...percaya pada Rukun Islam yang lima dan Rukun Iman yang enam...In sya Allah kita takkan tersesat dari landasan...sentiasa dalam hidayah dan 'inayah Allah Ta'ala."

"Jangan tinggal suruhan agama... kerjakan ibadah sembahyang... sembahyang fardhu lima waktu

dah tu kerjakan juga sembahyang-sembahyang sunat... sembahyang tu kan tiang agama...kat akhirat nanti yang pertama kena buat perhitungan ibadah sembahyang kita ni takde kena tanya berapa harta dapat dikumpul waktu kat dunia."

"Lengkapkan diri kita dengan mendalami ajaran agama Islam berpandukan al-Qur'an dan as-Sunnah. Sungguh agama Islam adalah agama yang membawa ajaran serta cara hidup yang lengkap dan juga sempurna... meliputi seluruh aspek kehidupan manusia baik daripada sekecil-kecil perkara hingga sebesar-besarnya.

Kalaulah selama ini kita di landasan yang salah... cepat-cepatlah perbetulkan dan berubah... pintu taubat sentiasa terbuka," terang Ustaz Ibrahim dengan penuh ketulusan memberikan sedikit tazkirah pada Lisa dan Aisyah.

Lisa terdiam seribu bahasa. Perasaan malu menerpa. Malu pada Aisyah yang memang tahu sisi buruknya. Malu pada Ustaz Ibrahim sekiranya dalam diam ustaz tahu mengenai hal tersebut. Lebih dahsyat lagi

*Terima kasih
banyak Ustaz
Ibrahim, ujar Lisa
dengan suara yang
agak bergetar, Saya
akan amalkan semua
yang ustaz pesan.
Insya Allah.*

Lisa malu pada Allah. Allah Maha Mengetahui.

"Panjang lebar pulak saya ni bercakap serupa nak bagi ceramah pulak..." Ustaz Ibrahim tersenyum sambil menambah, "Cik Lisa balik rumah nanti air botol yang saya beri tu buat minum dan ada botol yang saya tanda mandi tu buat mandi sekali sehari dah cukup...kita hanya ikhtiar Allah yang Maha Penyembuh... dekatkan diri dengan Allah, kerjakan sembahyang fardhu di awal waktu... perbanyakkan sembahyang sunat Taubat, kemudian amalkan baca ayat 102 surah al-Baqarah ni. Perlahan-lahan, *In sya Allah* cepat pulih."

Lisa mengangguk perlahan, mendengar nasihat Ustaz Ibrahim dengan penuh perhatian. Walaupun hatinya masih dipenuhi rasa malu,

dia tahu ini adalah jalan yang terbaik untuknya. Sihir yang dihadapi, walaupun berat, mempunyai penyelesaian yang jelas, dan dia perlu berusaha untuk kembali ke jalan yang benar, mendekatkan diri dengan Allah.

"Terima kasih banyak, Ustaz Ibrahim" ujar Lisa dengan suara yang agak bergetar. "Saya akan amalkan semua yang ustaz pesan...*In sya Allah*."

Aisyah yang duduk di sisi Lisa turut mengangguk, memberikan sokongan penuh kepada rakannya. "Kami akan berusaha, Ustaz. Terima kasih atas bantuan dan nasihat yang sangat berharga ni."

Ustaz Ibrahim tersenyum, kemudian berdiri dari tempat duduknya dan berkata kepada mereka. "Ingat, jalan



untuk sembuh bukan hanya terletak pada usaha kita semata, tetapi juga pada keteguhan iman dan doa yang ikhlas. Hanya dengan keizinan Allah, segala usaha kita akan berhasil. Semoga Allah memberi kesembuhan dan kekuatan kepada kamu berdua.”

Lisa dan Aisyah kemudian berdiri dan mengucapkan terima kasih sekali lagi sebelum meninggalkan

bilik rawatan. Di luar, udara

petang yang sejuk terasa

lebih menenangkan,

namun hati Lisa masih

berdebar. Dia tahu

perjalanan untuk

pulih ini tidak mudah,

namun dengan setiap

langkah yang diambil,

dia semakin dekat untuk

kembali kepada-Nya.

"Aku rasa sedikit lebih tenang sekarang," kata Lisa perlahan, sambil memandang Aisyah. "Tapi aku masih perlu kuat dan istiqamah. Aku tahu ujian ini adalah peringatan dari Allah."

Aisyah tersenyum, melangkah mendekati Lisa. "Allah selalu memberi ujian kepada hamba-Nya yang Dia sayang. Ini masa untuk kau kembali pada-Nya, dan aku akan sentiasa ada untuk sokong kau."

Mereka berdua berjalan keluar dari Darussyifa', dengan tekad dan harapan baru yang disemai dalam hati. Lisa tahu, meskipun jalan ini panjang, dia sudah mengambil langkah pertama yang penting. Dengan berpegang kepada iman, doa, dan usaha, *In sya Allah*, dia akan kembali menemukan ketenangan dan kesihatan yang hilang.

Dari kejauhan, suara

seorang da'ie dalam

rancangan keagamaan

An-Nur kedengaran,

memberikan tazkirah

yang penuh hikmah:

"Hidup ini sering kali

terselubung dalam

misteri. Setiap tindakan

yang kita lakukan hari ini

akan mencorakkan masa

depan kita. Setiap keputusan yang kita buat hari ini akan menentukan hala tuju kehidupan kita di masa hadapan. Oleh itu, janganlah kita sia-siakan peluang yang ada dengan membazirkan waktu dan merugikan diri sendiri. Sebagai hamba Allah, kita diciptakan untuk menyembah-Nya dan berpegang teguh kepada agama-Nya. Percayalah kepada kuasa Allah, Tuhan sekalian alam, dan yakinlah kepada agama-Nya, iaitu Islam. Firman Allah *Subhanahu*

wa Ta'ala dalam surah al-An'aam ayat 153 yang terjemahannya: *"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama lurus) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain itu) menceraai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya bertaqwa."*

"Jelaslah melalui ayat tadi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyatakan bahawa Islam adalah agama yang benar dan betul. Oleh itu Allah memerintahkan umat Islam untuk berpegang teguh pada agama Islam. memelihara kesucian agama Islam

dan ajarannya jangan sekali-kali berpaling dan berpegang dengan yang lain."

Betapa mendalam dan menginsafkan peringatan ini.

Hampir sebulan berlalu... Alhamdulillah, Lisa semakin pulih daripada penyakit misteri yang dihadapinya. Kini, dia mula memahami betapa pentingnya menjaga kesucian agama Islam, bukan hanya melalui ibadah, tetapi juga dalam setiap tindakan dan pemikiran. Pengalaman pahit yang dilaluinya membuka mata dan hati Lisa. Jika sebelum ini dunia



perniagaan dan pengaruh media sosial menjadi keutamaannya, kini dia sedar bahawa kebahagiaan sejati hanya dapat dicapai dengan menghubungkan diri kepada Allah, bukan semata-mata mengejar kesenangan duniawi.

Gangguan yang dialaminya sehingga menjejaskan kesihatan fizikal dan spiritual mengajarnya makna kehidupan yang sebenar.

Setelah menjalani rawatan untuk memulihkan dirinya daripada kesan sihir, Lisa bertekad untuk meninggalkan kebiasaan lamanya. Fokus utamanya kini adalah memperbaiki diri dan mendekatkan hati kepada Allah. Dengan sokongan Aisyah, sahabat yang sentiasa berada di sisinya, Lisa memulakan perjalanan baru dalam hidupnya. Azamnya untuk menjadi seorang muslimah yang istiqamah dan taat semakin membara.

Hari-hari Lisa kini diisi dengan aktiviti yang mendekatkan dirinya kepada Allah. Dia menghadiri kelas-kelas agama, mempelajari fardhu 'ain, dan memperbaiki ibadah harian seperti sembahyang serta amalan-amalan sunat yang lain. Lisa yang dahulunya

tenggelam dalam dunia materialistik kini merasai ketenangan yang tidak mampu dibeli dengan harta dunia.

"Sesungguhnya seseorang memiliki kedudukan yang tinggi di sisi Allah, namun ia tidak mampu mencapainya dengan amal (kebajikannya), maka Allah terus mengujinya dengan sesuatu yang tidak disukainya hingga

Dia menyampaikannya kepada kedudukan tersebut,"

Lisa ingin memberi kesedaran bahawa setiap insan berpeluang untuk berubah, selagi ada usaha dan keyakinan kepada Allah. Lisa mengulang sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, menguatkan hatinya.

"Apa yang penting adalah bagaimana seorang hamba menghadapinya dengan sabar, redha dan tawakkal kepada Allah," bisiknya kepada dirinya sendiri. Lisa memahami bahawa perjalanan spiritual bukanlah jalan yang mudah, tetapi ia adalah laluan yang penuh keberkatan.

Kini, Lisa menggunakan media sosial untuk berkongsi pengalaman transformasinya. Dengan niat ikhlas, dia berharap dapat memberi inspirasi kepada mereka yang mungkin menghadapi ujian hidup yang serupa. "Kehidupan ini

sementara, dan apa yang kita buat hari ini akan menentukan masa depan kita. Jangan sampai kita terlambat untuk kembali kepada jalan yang benar.”

Melalui perkongsiannya, Lisa ingin memberi kesedaran bahawa setiap

insan berpeluang untuk berubah, selagi ada usaha dan keyakinan kepada Allah. Perubahan itu mungkin, dan perjuangan untuk kembali kepada-Nya sentiasa bernilai.

—Selesai—



Mutiara Kata

**Apakah amalan yang kita boleh
amalkan di bulan Ramadhan?**

Bulan Ramadhan adalah bulan mengejar pahala. Apa sahaja amalan baik, boleh dibuat walaupun sedikit. Yang penting ialah Istiqamah. Kalau kita tidak mampu membaca al-Qur'an, berzikirlah kepada Allah. Sebagaimana hadits Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Saiyidatina 'Aisyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ مَا دَاوَمَ عَلَيْهِ
صَاحِبُهُ وَإِنْ قَلَّ

Maksudnya:

*Amalan yang paling dicintai Allah ialah orang yang
selalu mengerjakannya walau pun sedikit.*

NURHAZMIE BIN HAJI RAZALI

Pemenang Pertama Kategori Sajak bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulud Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

PUISI



Rasulullah Teladan Sepanjang Zaman

Bicaranya lembut, penuh hikmah,
Tutur kata baginda menyentuh roh dan tubuh,
Dalam kalamnya, tiada dusta bersemi,
Setiap ucapannya membawa erti.

Wahai insan, contohi tutur bicara Rasul,
Berbicaralah dengan kasih dan akal yang tulus,
Jangan biarkan lidah mencipta luka,
Sebarkan hikmah, buang prasangka.

Di medan pergaulan, baginda cerminan mesra,
Tiada rasa benci, tiada yang sengsara,
Kaya dan miskin, tua dan muda,
Semua disapa penuh cinta.

Wahai jiwa, jadikan pergaulanmu ramah,
Sebarkan salam, tanggalkan gundah,
Jadilah pemersatu, bukan pemecah,
Mengasihi insan tanpa keluh kesah.

Ketika marah menggelegak di dada,
Baginda menahan sabarnya tiada tara,
Wajahnya tenang, tutur tetap santun,
Amarah terpadam dalam iman yang santun.


Wahai diri, belajarlah menahan amarah,
Jangan biarkan ia mencipta musibah,
Redakan dengan *zikrullah* yang suci,
Agar jiwamu damai, hati pun berseri.

Amanahnya baginda tak tertanding,
Janji dan tugas dilaksana tanpa gentar,
Walau berat di pundak, tetap dijunjung,
Kejujuran itu mahkota baginda yang agung.

Wahai umat,
Jadilah insan yang amanah,
Peliharalah janji,
Hindari khianat yang parah,
Dalam setiap tugas, laksanakan sepenuh hati,
Kerana itu tanda iman sejati.

Akhlak baginda suluh bagi dunia,
Bukan sekadar teori tetapi nyata,
Dari kasih kepada jiran hingga bela musuh,
Menjadi rahmat kepada seluruh makhluk.

Wahai pembaca, renungkan akhlak mulia,
Jadikan ia bekal ke syurga yang jernih cahaya,
Ikuti Rasul dalam setiap langkah,
Agar hidup diberkati, jauh dari celah.



Baginda adalah al-Qur'an yang berjalan,
Tiap sunnahnya panduan zaman berzaman,
Teladan sempurna yang tiada bandingan,
Pembawa rahmat hingga akhir kehidupan.

Kesederhanaan baginda sungguh memikat,
Dalam harta, baginda tiada berpikat,
Hidup bersahaja namun penuh makna,
Kaya di hati, zuhud tak terkira.

Wahai manusia, pelajari sikap sederhana,
Jangan berlumba demi dunia semata,
Hiduplah dengan *qana'ah* dan reda,
Agar jiwa tenang, jauh dari derita.

Baginda pemaaf, tiada dendam bertakhta,
Walau dicerca, baginda tetap setia,
Mendoakan musuh memohon ampunan,
Cinta baginda tiada batasan.

Wahai hati belajarlah memaafkan,
Buang dendam yang meracuni perasaan,
Jadilah insan yang lembut dan pemaaf,
Kerana itu sifat hamba yang lurus dan taat.





Dalam ibadah, baginda khusyuk dan tekun,
Malamnya dihiasi sujud yang panjang,
Air matanya mengalir memohon reda,
Menjadi hamba paling taat kepada-Nya.

Wahai jiwa, hidupkan malam dengan doa,
Bersujudlah dalam syahdu cinta,
Mohonlah keampunan dengan penuh rasa,
Agar jiwa bersih, meraih rahmat-Nya.

Senyuman baginda, cahaya yang memikat,
Memadamkan dukamu dengan simpati yang hangat,
Dalam setiap pertemuan, senyum berbicara,
Bahasa rahmah yang baginda pancarkan.

Wahai insan sebarkan senyuman,
Kerana ia sedekah yang tak terbandingkan,
Buat hati-hati yang haus cinta,
Senyummu penawar jiwa yang terluka.

Baginda mengangkat kaum wanita,
Diberinya hak, dijunjung maruahnya,
Menjadi pelindung, bukan penindas,
Menjadikan Islam pelita yang jelas.

Wahai umat, hormatilah wanita,
Muliakan mereka, peliharalah maruahnya,
Kerana mereka pendidik generasi kita,
Bukti iman yang sejati kepada Yang Esa.

Puasa:

Latihan Jiwa Dan Taqwa

Mengerjakan puasa bererti menahan nafsu zahir dan batin selama sebulan pada bulan Ramadhan. Puasa adalah ibadat yang wajib dilakukan oleh orang Islam untuk mendidik diri menjadi manusia yang insaf dan bertimbang rasa, terpelihara dari segala godaan nafsu yang selama ini belum merasa puas. Puasa bukan hanya perlu menahan lapar dan dahaga namun kesannya ianya dapat mengenyangkan jiwa dan semangat dengan perasaan yang luhur dan ingatan yang suci sebagai memenuhi tuntutan Ilahi.

Dalil Wajib Puasa

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Mafhumnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah: 183)